

## BAB II

### Latarbelakang Sejarah dan Masyarakat Melayu

#### Latarbelakang Sejarah

Selatan Thailand terletak di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu. Kawasan Selatan Thailand terletak di antara garisan lintang  $11^{\circ} 42'$  -  $5^{\circ} 37'$  dan garisan bujur  $98^{\circ} 0'$  -  $102^{\circ} 0'$ . Bentuk buminya adalah bujur memanjang dari utara ke selatan lebih kurang 600 kilometer. Lebarnya di kawasan paling luas ialah 250 kilometer dan yang paling sempit 64 kilometer iaitu di Segenting Kra.<sup>1</sup>

Keluasan bumi di Selatan Thailand ialah 70,715.15 kilometer persegi iaitu 13.78 % dari keseluruhan keluasan Thailand. Selatan Thailand bersempadan dengan dua buah negara iaitu di bahagian barat bersempadan dengan negara Myanmar (Burma), manakala di bahagian selatan bersempadan dengan negara Malaysia. Di kedua-dua belah bumi Selatan Thailand dihimpit oleh samudra iaitu di sebelah barat adanya Lautan Andaman, manakala di sebelah timur adalah Lautan Teluk Siam dan Laut Cina Selatan.

Selatan Thailand merangkumi 14 wilayah. Wilayah-wilayah tersebut dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian Selatan atas yang terdiri dari Wilayah Chumporn, Ranong, Surattani, Pang-nga, Nakorn Sri Thammarat (Nama asalnya Legor atau

<sup>1</sup>Institute of Southern Studies Thaksin University, Saranukrom Wattanatham Pak Tai Vol. 7, (Bangkok : Amarin Printing Group, 1986) muka 2577

Negara Sri Dharma Raja ), Phuket ( Dari perkataan Bukit ) dan Krabi. Satu bahagian lagi ialah bahagian Selatan bawah yang terdiri dari Wilayah Songkhla ( Nama asalnya Singgora ), Pattani, Narathiwat, Yala dan Setul. Bagi Wilayah Trang dan Wilayah Pattalung jika dikira mengikut bidang pentadbiran juga termasuk ke dalam bahagian Selatan bawah. Tetapi jika dikira mengikut budaya, wilayah-wilayah tersebut digolongkan ke dalam bahagian Selatan atas.<sup>2</sup>


### **Kerajaan Melayu Tambralinga**

Kerajaan Melayu Tambralinga adalah sebuah kerajaan Melayu yang tertua dan terbesar di Selatan Thailand. Terdapat beberapa nama kerajaan Melayu ini yang disebut berbeza mengikut bahasa masing-masing seperti Tambralinga ( Bahasa Sanskrit ), Tambralingam ( Bahasa Pali ), Madamalingam ( Bahasa Tamil ) dan Tanmaling ( Bahasa Cina ).

Tempat yang bernama Ta'rua adalah pusat pertama pemerintahan kerajaan Tambralinga. Kemudian berpindah ke Praviang dan berpindah sekali lagi ke kawasan Legor atau kini dikenali sebagai Bandar Nakorn Sri Thammarat. Tambralinga meluaskan kawasan takluknya sehingga ke Chaiya dan Satingpra. Tambralinga berada bawah kekuasaan Sri Wijaya tetapi pada tahun 1230 Raja Tambralinga yang bernama Chandrabhanu Dharmaraja telah berjaya membebaskan Tambralinga dari taklukan Sri Wijaya. Baginda kemudian meluaskan kawasan Tambralinga hingga ke Grahi ( Krabi ). Dalam masa pemerintahan baginda, Pulau Selon ( Sri Lanka ) telah

<sup>2</sup> Pengkaji pernah beberapa kali mengikuti seminar dan mesyuarat, didapati peserta-peserta dari wilayah tersebut lebih cenderung bergaul mesra dengan peserta-peserta dari bahagian atas maupun peserta-peserta dari kedua-dua wilayah itu beragama Islam ataupun Buddha.

Peta 1. Selatan Thailand



diserang sebanyak 2 kali. Kali pertama Raja Tambralinga menyerang Pulau Selon ialah pada tahun 1247 untuk mendapat sebuah patung Buddha bernama Pra Sihing. Dalam serangan tersebut baginda berjaya menakluki bahagian utara Pulau Selon serta memerintah bahagian tersebut buat beberapa waktu. Orang-orang Melayu pengikut Raja Chandrabhanu semasa di Pulau Selon digelar sebagai Javakas atau Malakas oleh orang Pulau Selon pada masa itu. Kemudian Raja Chandrabhanu pulang ke Tambralinga meninggalkan anaknya sebagai raja bagi orang-orang Melayu dan Selon di utara pulau itu. Sebuah Prasasti kepunyaan Raja Prakarmabahu VI telah dijumpai di Sri Lanka. Prasasti tersebut menyatakan bahawa Raja Prakarmabahu VI yang memerintah di utara pulau itu adalah dari keturunan Raja Chandrabhanu. Prasasti itu turut menyatakan Raja Chandrabhanu adalah Putra Raja Maga yang memerintah Tambralinga.<sup>3</sup>

Pada tahun 1258 dan 1263 seorang raja dari India Selatan yang bernama Sundra Pandya telah menyerang dan menguasai kawasan utara Pulau Selon termasuk daerah orang-orang Melayu. Oleh itu sekali lagi Raja Chandrabhanu menyerang Pulau Selon. Kali ini untuk membebaskan Putranya dari menjadi tawanan. Setelah mengalahkan beberapa angkatan tentera Selon, akhirnya Raja Vijayabahu, Putra Raja Selon dapat mengalahkan tentera Raja Chandrabhanu. Nasib masih berpihak kepada Raja Chandrabhanu kerana baginda dapat melepaskan diri dan pulang ke Tambralinga.<sup>4</sup>

<sup>3</sup> Pongnarin Saipong, *Thomg Thai nai Pak Tai*, Tawan Publishing Group, Bangkok, 1994 Vol. I muka 56

<sup>4</sup> Raja Mohd. Afandi, *Tokoh-tokoh Melayu yang agong dalam Sejarah*, DBP, 1982 muka 27-28

Atas kekalahan tersebut menyebabkan tentera Tambralinga semakin lemah, sehingga pada tahun 1294 Tambralinga tidak berdaya mempertahankan diri dari serangan tentera Sukhothai. Akhirnya Tambralinga ditakluki Sukhothai dan menjadi sebahagian dari empayar itu. Sebuah Prasasti kepunyaan Raja Chandrabhaunu turut dijumpai di Wat Semamuang, Nakorn Sri Thammarat.<sup>5</sup> Prasasti tersebut menceritakan kemakmuran kerajaan Tambralinga di zaman pemerintahan Raja Chandrabhanu. Akhirnya nama Tambralinga beransur hilang dan digantikan dengan nama Nakorn Sri Thammarat ataupun Negara Dharma Raja.

### **Kerajaan Melayu Langkasuka**

Langkasuka adalah sebuah kerajaan Melayu kuno yang tertua dan berpengaruh di bahagian Selatan bawah. Kerajaan Langkasuka didirikan pada hujung abad pertama. Kemudian kerajaan ini menjadi tempat persinggahan bagi pedagang-pedagang dari negara asing. Mengikut catatan Cao-Jou-Koa, Kerajaan Langkasuka terletak di bawah kekuasaan Kerajaan Sri Wijaya pada akhir abad ke 13.<sup>6</sup> Sebelum ini masih ada perbezaan pendapat di antara sejarawan tentang tapak letaknya kerajaan Langkasuka. Ada yang berpendapat bahawa kerajaan Langkasuka bertapak di Kedah. Mengikut buku sejarah Negeri Kedah iaitu "*Hikayat Merong Mahawangsa*" ada menyebut bahawa kerajaan Langkasuka terbahagi kepada 2 bahagian. Sebahagiannya terletak di negeri Kedah manakala sebahagian lagi terletak di sebelah timur Kedah. Walaupun begitu *Hikayat Merong Mahawangsa* cuma menyebut Balai Rong kerajaan Kedah yang bernama "*Langkasuka*".

---

<sup>5</sup> Pengkaji telah pergi ke Wat Semamuang pada 23 Oktober 2000 tetapi diberitahu oleh Sami Buddha di Wat tersebut bahawa Prasasti itu telah lama ditempatkan di Muzium Nasional di Bangkok .

<sup>6</sup> Th. Pigeard, *Java in the fourteenth Century*. The Hague Martinus Nijhoff, 1962 Vol. IV muka 32,34

Satu pendapat lagi lebih cenderung menyatakan bahawa kerajaan Langkasuka terletak di bahagian Selatan bawah iaitu Patani sekarang. Mengikut catatan Cina zaman Dinasti Liang ( 502-566 ) ada menyebut " *kerajaan Lang-Ya-Hsiu ( Langkasuka )*" terletak di laut Cina Selatan. Ia mempunyai daerah yang luas iaitu dari timur ke barat memakan masa 30 hari berjalankaki. Dari utara ke selatan selama 20 hari berjalan kaki.<sup>7</sup> Dan dalam hal ini sejarawan menjelaskan lagi bahawa kerajaan Langkasuka berdiri lebih dari 400 tahun. Wilayahnya terbentang luas daripada hulu negeri Perak sampai ke negeri Patani di Teluk Siam, daripada teluk Benggala sampai ke negeri Kedah. Paul Wheatly telah menegaskan Patanilah tapak letaknya kerajaan Langkasuka. Pendapat ini disokong oleh sejarawan tempatan iaitu (Almarhum) Saarani Bin Haji Abdullah Ahmad @ Seni Madakakul.<sup>8</sup>

Dalam syair Jawa Kuno yang bernama *Nagarakartagama* karangan Prapanca dalam tahun 1365 ada menyebut begini :

*Ikang sakahawan Pahang pramuka tang Hujung  
Medini ri Langkasuka len ri Saimwang, i Kalaten i  
Terengganu, Nacor, Pakamuar, Dungun Sri Tumasik ri  
Sanahyana, Klang, Keda - Jere, Niran sanusa pupul*

Terjemahan bebas bunyinya :

*Walaubagaimanapun Hujung Medini Pahang, ( Johor ),  
Langkasuka ( Patani ), Saimwang, Kelantan, Terengganu,*

<sup>7</sup> Paul Wheatley, *The golden Kheronese*, Pustaka Ilmu, Kuala Lumpur, 1966 Muka 253-254

<sup>8</sup> Seni Madakakul, *Rach Anachak Langkasuka ju ti nai*, Journal Ru Sembilan, Prince of Songkhla University Pattani Campus tahun 3 bil. 1 ( Mac-April 1974) Muka 23

*Nakor , Paka , Muar , Dungun , Tumasik , Sanahyana ,  
Hujung , Klang , Kedah , Jere ( Jering ) , Kanjap , Niran  
Semuanya berkumpul dalam satu Nusantara*<sup>9</sup>

Buku Nagarakartagama telah menjelaskan bahawa Kedah dan Langkasuka adalah negeri yang berasingan. Fakta ini lebih jelas apabila di Daerah Jarang Wilayah Pattani terdapat kesan kota Langkasuka dan berpuluhan candi telah dijumpai.<sup>10</sup> Dalam inskripsi Tajur bertarikh tahun 1030-1031 ada menyebut bahawa kerajaan Langkasuka pernah diserang oleh Raja Rajendra Cola dari Selatan India pada tahun 1025.

Mengikut catatan Cina di zaman Dinasti Liang, kerajaan Langkasuka pernah mengutuskan dutanya ke negeri Cina dalam tahun 515, 523, 531 dan 568. Tetapi yang jelas sekali ialah dalam tahun 515 Duta kerajaan Langkasuka yang diutuskan ke negeri China bernama *Achita*. Pihak China telah melukiskan potret duta itu dan potret tersebut sekarang dipamerkan di muzium Tien An Men, Peiking, Republik Rakyat China. Seorang Raja Langkasuka yang disebut dalam catatan asing ialah Raja yang bernama *Raja Bhagatta*. Nama kerajaan Langkasuka disebut berbeza-beza mengikut bahasa masing-masing. Sulaiman Ahmad Al-Mahiri yang pernah mengembara pada tahun 1511 menulis dalam bukunya yang bernama Kitab Al-Minhaj Al-Fakhir Filim Albahr Al-Zakhir dengan nama "*Langashuka*".<sup>11</sup> Dan dalam catatan India menyebut dengan nama "*Ilngasoka*". Begitu juga dengan catatan Cina yang menyebut dengan nama "*Lang-Hsi-Chai* Nama kerajaan Langkasuka hilang begitu

<sup>9</sup> Mohamed Yamin, Gajah Madia, Balai Pustaka, Jakarta, 1953 Muka 51-52

<sup>10</sup> pada 2 oktober 2000 pengkaji telah pergi membuat lawatan di tapak persekitaran kesan lama Langkasuka di Daerah Jarang Wilayah Pattani

<sup>11</sup> Paul Wheatley op.cit.

saja dari catatan asing pada awal abad ke 15. Selepas hilangnya kerajaan Langkasuka maka muncullah kerajaan Melayu Patani.

### **Inskripsi Raja Ramkhamhaeng : Satu penilaian baru terhadap sejarah Semenanjung Tanah Melayu**

Inskripsi Raja Ramkhamhaeng adalah satu inskripsi penting dalam sejarah Thailand. Inskripsi ini menjadi bahan rujukan ahli sejarah Thailand. Disebabkan inskripsi ini ditulis dalam bahasa lama. Maka terdapat beberapa tafsiran isi kandungan inskripsi ini kurang jelas seperti tafsiran yang dibuat oleh Goerge Coedes. Tafsiran beliau dapat mempengaruhi beberapa ahli sejarah Malaysia.<sup>12</sup> Sebenarnya kini inskripsi ini menjadi bahan kontroversi. Kerana ada berbagai pendapat berkenaan dengan keaslian inskripsi ini. Sesetengah ahli sejarah tempatan menolak tafsiran Goerge Coedes. Mereka mengatakan inskripsi ini dibuat pada zaman Bangkok.<sup>13</sup> Begitu juga dengan Michael Vickery dari Australia yang mengatakan inskripsi ini bukan ciptaan Raja Ramkhamhaeng sebaliknya ia adalah ciptaan Rama IV. Inskripsi ini juga seperti "*Pitldown*" iaitu satu bahan sejarah di Inggeris. Bahan tersebut menjadi bahan rujukan ahli sejarah Inggeris, tetapi bahan itu telah menggemparkan dunia bidang sejarah di Inggeris. Kerana bahan sejarah itu mempunyai kepalsuan. Begitulah Michael Vickery telah membuat perbandingan *Pitldown*, bahan sejarah Inggeris dengan inskripsi Raja Ramkhamhaeng.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Malaysia Kita, Institut Tadbiran Negara, Kuala Lumpur, 1991 Muka 89

<sup>13</sup> Lihat tulisan Sujit Wongtes dalam majalah Culture and Art pada November 1991 Muka 232 dan tulisan Srisakara Valliphodom dalam majalah Culture and Art pada Februari 1985 Muka 60

<sup>14</sup> Michael Vickery, "The Ramkhamhaeng Inscription: a Pitldown Skull of Southeast Asia History?" Proceedings of the International Conference on Thai Studies, The Australia National University, Canberra, 3-6 July 1987: Vol. 1 Compiled by Ann Buller, Canberra, Australia National University, 1987 pp. 191-211

Bagi seorang kerabat Diraja Thailand yang progresif, Prince Chanchirayuk Rachani mendakwa beliaulah orang pertama yang menyatakan Inskripsi Raja Ramkhamhaeng bukan ciptaan Raja Ramkhamhaeng.<sup>15</sup> Saeng Monvitoon membantah keaslian inskripsi ini dengan mengatakan Raja Ramkhamhaeng bukan pencipta inskripsi ini sebaliknya Rama IV adalah penciptanya yang sebenar.<sup>16</sup>

Seorang pensyarah Universiti Thammasart, Bangkok bernama Dr. Piriya Kraireuk mengemaskan lagi pendapat di atas. Beliau memberi beberapa bukti keraguannya terhadap inskripsi itu seperti berikut:<sup>17</sup>

1. Inskripsi Raja Ramkhamhaeng terlalu kecil saiznya jika dibandingkan dengan inskripsi-inskripsi lain seperti inskripsi Raja Jayavarman VII yang sezaman dengan Raja Ramkhamhaeng. Begitu juga dengan inskripsi-inskripsi di era Sukhothai yang lain.

2. Bahasa Thai dalam inskripsi Raja Ramkhamhaeng menggunakan huruf vokal sebaris dengan huruf abjad. Ia tidak pernah berlaku dalam sejarah bahasa Thai kecuali bahasa Thai dalam inskripsi Raja Ramkhamhaeng dan huruf bahasa Thai rekaan Raja Rama IV yang dikenali dengan nama "*Huruf Ariyaka*". Iaitu huruf mirip dengan huruf Latin untuk penulisan dalam bahasa Pali di kuil-kuil Buddha. Akhirnya

<sup>15</sup> Prince Chanchirayuk Rachani, Khrai Plorm Silachareuk Po Khun Ramkhamhaeng, Matichon Publication, 1990 Muka 51

<sup>16</sup> Ibid. Muka 22

<sup>17</sup> Piriya Kraireuk (Dr.), Chareuk Po Khun Ramkhamhaeng : Kan Wikrok Cheung Prawatisart Silpa, Amrin Printing Group,

huruf Ariyaka tidak digemari para sami buddha dan huruf tersebut hilang begitu saja.

3. Bahasa Thai dalam inskripsi Raja Ramkhamhaeng adalah termuat perkataan-perkataan yang digunakan di zaman Bangkok.

4. Inskripsi Raja Ramkhamhaeng tercatat dalam tahun Era Buddha ( Buddhist Era ) sebaliknya tahun-tahun tersebut jika diubah menjadi tahun masihi seperti tahun B.E 1800 menjadi 1800 masihi, ia akan terbukti semua yang berlaku mengikut inskripsi itu sama seperti yang telah berlaku di zaman Raja Rama IV.

Salah seorang sami Kerabat diraja, Krom Praya Pawareswariyalongkorn telah mengarang sebuah buku untuk menerangkan perkara tersebut. Begitu juga dengan Michael Wright yang mengatakan bahawa huruf yang tercatat dalam inskripsi Raja Ramkhamhaeng sebenarnya tidak sesuai diukir menjadi inskripsi. Muk-Horm Wongtes dalam Tesis M.A.nya yang dikemukakan di Universiti Cornel berjudul "*The Sound of Society and the fury of the Ivory Tower: Reflection on The Ramkhamhaeng Controversy*".<sup>18</sup> Pada muka 92-93 dan 98-99 ada menyebut bahawa inskripsi ini adalah ciptaan Raja Ramkhamhaeng yang disokong oleh dari 3-4 orang ahli sejarah Thai dan 7-8 orang ahli sejarah barat seperti Wyatt, W. Woodward dan sebagainya. Bagi ahli sejarah yang menyatakan inskripsi ini adalah rekaan Raja Rama IV pula terdiri dari 2 orang ahli sejarah barat iaitu Michael Vickery dan Michael Wright selain itu adalah ahli sejarah tempatan. Muk-Horm mesifatkan bahawa para ahli

sejarah yang mempertahankan pendapat terhadap keaslian inskripsi Raja Ramkhamhaeng ialah mereka yang mempertahankan karier akademi (*Defend Academic Career*). Kerana kebanyakan karya-karya mereka telah menjadikan inskripsi ini sebagai bahan rujukan utama. Mereka tidak sempat menyelidik karya-karya ahli sejarah tempatan yang berkarya dalam bahasa Thai.

Bryce G. Beemer dalam Tesis M.A.nya yang diajukan di Universiti Hawaii pada tahun 1999 berjudul "*Constructing The Idea State : The Idea of Sukhothai in Thai History 1833-1957*".<sup>19</sup> Ada menyebut bahawa sejarah di zaman Ayudhya dan awal era Bangkok menganggap Sukhothai bukannya kerajaan yang penting dalam sejarahnya. Sejarah di akhir zaman Ayudhya dan awal era Bangkok tidak pernah memberi penghormatan dalam penulisan sejarahnya terhadap Sukhothai, kerana Sukhothai pernah bersepakat dengan kerajaan Hongsawati (Pegu) untuk menyerang Ayudhya pada kali pertama dalam tahun 1568. Dalam zaman tersebut menganggap Sukhothai sebagai penderhaka.

Orang yang berperanan menonjolkan Sukhothai sebagai kerajaan yang pertama dalam sejarah Thailand ialah Prince Dhamrong Rajanubhap, Raja Rama IV dan Luang Wichit Wattakarn. Beemer menyebut pendapat Luang Wichit Wattakarn sebagai *Ultra Nationalist Historography*, kerana menggunakan Sukhothai sebagai lambang kegemilangan bangsa Thai tidak seperti Ayudhya dan Bangkok yang dianggapnya berada dalam zaman kegelapan. Beliau membangkit semangat ras Thai supaya kembali semula kepada zaman kegemilangan itu.

<sup>19</sup> Michael Wright " Khrai vivat laek vivat Thammai" dalam Culture and Art, April, 1999 Muka 108

Keraguan atas keaslian inskripsi Raja Ramkhamhaeng masih diketengahkan. Jika terbukti bahawa inskripsi ini bukan ciptaan Raja Ramkhamhaeng, ia bereti sejarah beberapa kerajaan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang ada kaitan dengan sejarah Thailand mesti dibuat penilaian baru. Jika inskripsi ini memang ciptaan Raja Ramkhamhaeng, kita juga mesti membuat pentafsiran baru kerana Thailand telah lama mendakwa bahawa Sukhothai menakluki seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan berasaskan inskripsi ini. Pendapat ini selaras dengan tafsiran George Codes seorang ahli sejarah berbangsa Yahudi yang pernah khidmat dengan Prince Dhamrong Rajanubhap.

Chit Bhumisakdi seorang ahli sejarah yang terkenal telah menulis dalam bukunya seperti berikut:<sup>20</sup>

*“ Ahli sejarah biasanya menganggap bahawa Empayar Sukhothai keluasannya ke selatan sampai ke Jonor, ini mustahil! sebenarnya cuma Negeri Nakorn Sri Thammarat ( Negara Dharma Raja ) sahaja yang berada di bawah kekuasaan Sukhothai seperti Inskripsi ( Ramkhamhaeng ) mencatatkan keluasan di sebelah selatan ke Nakorn Sri Thammarat seterusnya ke “Laut”. Yang dimaksudkan Laut di sini ialah Tasik air masim Senggora”*

<sup>19</sup> Michael Wright "Silacharuk Phokhun Ramkhamhaeng Khrai Plom" dalam Culture and Art, Disember 1999 Muka 109

<sup>20</sup> Sobsmat Srisutphan, Chom n. i sakdina Thai, Chomrom nangseu Saeng Tawan, Bangkok, 1976 muka 130

Sebuah lagi inskripsi Sukhothai yang dikenali dengan nama *Inskripsi Wad Srichum* mencatatkan bahawa keluasan kawasan awal Sukhothai ke sebelah selatan sampai hanya ke Rajburi dan Petburi sahaja seperti tercatatnya

*“Sebelah selatan keluasannya sampai dua ratus ribu depa”*<sup>21</sup>

Bagi Sdr. Phaitoon Che’ Hae, seorang lulusan sarjana dalam bidang sejarah dari Universiti Silpakorn mengatakan, jika dikira jarak jauh sepanjang dua ratus ribu depa dari Sukhothai, ia hanya mempunyai keluasan ke selatan sampai ke Kuala Teluk Siam di Samut Prakarn iaitu di ringgir Kota Bangkok.

### **Kemasukan agama Islam di Selatan Thailand**

Islam telah lama bertapak di Selatan khususnya Patani semenjak beberapa abad yang lalu. Patani pernah menjadi salah sebuah pelabuhan perdagangan yang pesat di rantau Asia Tenggara. Pedagang – pedagang asing dari setiap kawasan berlabuh untuk berdagang di sini termasuk pedagang-pedagang dari negeri Arab dan Parsi.

India adalah tempat permulaan agama Islam disebarkan dan sebagai pusat perdagangan di antara Arab, Parsi dan China dengan rantau Asia Tenggara di zaman itu. Kemudian agama Islam disebarkan ke negeri China, Champa dan beberapa

<sup>21</sup> Tanorm Anamwattana, *Prawattisat Thai juk korn Prawattisat thung sin Ayudhya* ( Bangkok: Srinakharinrawiroj University, 1975) muka 62

kerajaan di utara Thailand serentak dengan penyebarannya ke Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Melayu.

Terdapat beberapa kesan yang membuktikan bahawa agama Islam sudah masuk di rantau ini pada abad ke – 11 dan 12. Para pedagang Arab datang ke China dengan melalui rantau ini dalam zaman Dinasti Tang lagi di Pulau Jawa dijumpai batu nisan berhuruf Arab yang dikatakan sebagai bukti lamanya kemasukan Islam di pulau itu. Tarikh batu nisan tersebut ialah sekitar 1082 atau 1102. Di Champa juga dijumpai batu nisan berhuruf Arab dengan bertarikh 1039. Di Semenanjung Tanah Melayu terdapat batu nisan yang menjelaskan bahawa si mati adalah seorang wanita Arab bati nisan ini bertarikh 1028.

Semasa Marco Polo membuat pelayaran balik dari negeri China dengan melalui Selat Melaka pada tahun 1292, beliau mencatatkan bahawa di sebelah timur Pulau Sumatra iaitu Perlak didapati penduduk sekitar tempat tersebut telah memeluk agama Islam dengan mengikut pedagang-pedagang Arab yang membuat perdagangan di zaman itu.<sup>22</sup>

Patani dan Pahang adalah dua buah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang paling awal menerima agama Islam. Seorang pengembara berbangsa Portugis, de Eredia telah menulis dalam tahun 1613 berbunyi:

*“ More ever the faith of the Maumeth ( Islam ) was accepted in Patane ( Patani ) and Pam ( Pahang )*

<sup>22</sup> Brian Harrisan . South-East Asia : A short History ( New York : St. Martin Press , 1967) muka 50

*and in certain islands of Aromatic Archipelago, especially at the part of Bantam 'in Jawa major, later it was accepted and encouraged by Permicuri (Permaisuri) at Malacca in the year 1411"*<sup>23</sup>

Kemasukan Islam pada mulanya bukan di kalangan orang kelas atasan seperti raja dan pembesar-pembesarnya sebaliknya Islam diterima oleh golongan orang kelas bawahan atau kelas rakyat biasa, seperti tercatat dalam Hikayat Patani yang menyebut raja menolak agama Islam tetapi pedagang-pedagang terdiri dari orang Islam.<sup>24</sup>

Dalam hal ini Sejarah Melayu ada menyebut bahawa Raja Sriwangsa yang bertakhta di Kota Mahligai menentang kekuasaan Sultan Sulaiman dari Melaka. Apabila Raja Sriwangsa gagal menentang Sultan Sulaiman, bagindapun memeluk agama Islam mengikut Sultan Melaka.<sup>25</sup> Pendapat ini selaras dengan D.G.E. Hall dalam buku karangannya yang bernama "*A History of Southeast Asia*".

Penerimaan Islam di kalangan orang atasan iaitu Raja Patani terdapat 2 versi. Versi pertama, Hikayat Patani menceritakan bahawa sebelum Raja Patani memeluk agama Islam terdapat sebuah perkampungan Islam yang bernama Kampung Pasai, terletak di pinggir negeri Patani. Suatu hari Raja Patani yang bernama Phya Tu Nakpa mengidap penyakit kulit dan ada dukun yang boleh mengubati penyakit Raja Patani itu. Di saat itu terdapat seorang syaikh yang bernama Syaikh Said berasal dari Kampung Pasai tersebut. Pengubatan Raja itu dengan bersyarat jika hilangnya

<sup>23</sup> J.V. Mills, "Eredia's description of Malacca", JMBRAS Vol.8 Part (1) 1930 muka 49

<sup>24</sup> A. Teeuw and D.K. Wyatt, Hikayat Patani, The Hage: Martinus Nijhoff, 1970 muka 222

<sup>25</sup> Zakaria Ali, Islamic Art in Southeast Asia: 830 A.D.-1570 A.D., DBP, Kuala Lumpur muka 32

penyakit itu, Raja mesti memeluk agama Islam. Akhirnya Islamlah Raja Phya Tu Nakpa dengan bergelaran diri baginda sebagai Sultan Ismail Syah. Manakala Versi kedua dalam buku bertajuk Sejarah Kerajaan Melayu Patani karangan Ibrahim Shukri menyatakan, Putra Raja Phya Tu Nakpa yang bernama Phya Tu Intira atau Indera adalah Raja Patani yang memeluk agama Islam. Baginda bergelaran sebagai Sultan Muhammad Syah.

Walau bagaimanapun adalah dipercayai bahawa kedua-dua nama iaitu Sultan Ismail Syah dan Sultan Muhammad Syah adalah Raja yang sama.<sup>26</sup> Pemeluk agama Islam di kalangan rakyat awam secara beramai-ramai berlaku di Patani sekitar tahun 1475. Kemudian agama Islam bertapak teguh di negeri Melayu Patani sehingga menjadi pusat penyebaran agama Islam ke rantau ini. Terdapat beberapa tokoh agama yang berperanan penting dalam pengislaman penduduk Melayu Patani seperti Syaikh Syafiuddin Al-Abbasi dan Syaikh Said Barsisa.<sup>27</sup> Negeri Patani dengan nama penuhnya Negeri Patani Darussalam dianggap sebagai “*Serambi Mekah*” sesuai dengan peranannya dalam penyebaran agama Islam. Negeri Kelantan sendiripun didatangi oleh seorang Syaikh dari Patani yang membawa Islam ke negeri itu sekitar tahun 1150.<sup>28</sup>

Peranan besar ulama-ulama dari Patani dalam penyebaran agama Islam ke Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Melayu agak jelas sekali. Dalam catatan

<sup>26</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdullah Abdul Rahman, umur 52 tahun seorang ahli sejarah tempatan di rumahnya di Bandar Narathiwah pada 21 November 2000

<sup>27</sup> Pengkaji telah pergi melawat kedua-dua kubur itu, Kubur Syaikh Syafiuddin Al-Abbasi di Gerisik dan Kubur Syaikh Said Barsisa di Carak Bongo, Patani pada 26 Oktober 2000

Kalimantan tentang kedatangan orang melayu dari Patani ke Kalimantan Barat dalam abad ke 17 berbunyi :

*“ Datuk Maharadjalelo diberi tempat tinggal di sebelah selatan Sompia Opu. Dan tempat itu dinamakan djuga “Patani”. Achirnja Datuk Maharadjalela itu, oleh orang-orang Melayu Dipilih sebagai kepala mereka. Radja Gowapun tiada Berkebaratan. Sedjak itu banjak perubahan timur dibawanja Kedalam masjarakat dan keradjaan Gowa, terutama Mengenai perhiasan-perhiasan pakaian, jang kini masih Didapati bekas-bekasnja, seperti pada pakaian anak Radja, pada pengantin, Ponto (gelang) bernaga, Tatarpan (Keris jang bersarung dan berhulu emas), rantai puluh, kantjing merak, segala matjam ukiran-ukiran dan lain-lain. Dengan semua itu dan dengan pertalian agama Islam maka orang-orang Melaju sangat disajangi oleh Radja”<sup>29</sup>*

Terdapat beberapa ulama-ulama dari Patani yang singgah dan sangat berjasa mengajar aqidah Islam di Kalimantan Barat. Ulama-ulama tersebut seperti berikut:

1. Sykh Abdul Djalil Al-Fatani, Mufti Besar pertama kerajaan Islam Sambas di zaman pemerintahan Sultan Mohd. Tsafioeddin Bin Sultan Ibrahim Ali Omar Shah yang beristana di Lubuk Madung pada sekitar tahun 1670. Beliau meninggal di Sambas dan dikenali dengan nama Keramat Lumbang.

2. Syekh Daud Al-Fatani seorang pengarang berbagai kitab ilmu agama Islam yang sengaja datang ke Sambas untuk mengunjungi sahabat sepeguruannya, Syekh Abdul Djalil Al-Fatani dan menyelesaikan naskah ilmu fiqah yang terkenal.

<sup>29</sup> Dasuki Haji Ahmad, *Ikhtisar Perkembangan Islam* (Kuala Lumpur :DBP, 1982) muka 521

3. Syekh Ali Bin Faqeh Al-Fatani yang hijrah dengan 40 buah perahu diikuti ratusan santrinya akibat peperangan di Patani (tahun 1749). Beliau menjadi Mufti Besar kerajaan Mempawah. Makamnya hingga kini terdapat di Pulau Pedalaman Mempawah dan dikenali dengan nama Keramat Pokok Sena.<sup>30</sup>

### **Kerajaan Melayu Senggora**

Kerajaan Melayu Senggora berperanan besar seperti negeri-negeri Melayu yang lain di Selatan Thailand, tetapi negeri ini baru sahaja diketengahkan ke dalam perkembangan sejarah Thailand oleh sekumpulan keturunan Raja Melayu Senggora ini.

Dato' Monggol telah mengasaskan kerajaan Melayu Senggora pada abad ke-17. Beliau berasal dari daerah Saleman, Jawa Tengah.<sup>31</sup> Ketibaan Datuk Monggol berlaku sekitar tahun 1604 lalu menetap di pinggiran bukit Hua Kao Daeng (Bukit Merah). Pihak kerajaan Siam melantik Dato' Monggol sebagai Raja bagi negeri Senggora-Pattalung.<sup>32</sup> Kemudian Putra Dato' Monggol yang bernama Sulaiman mewarisi takhtanya di Senggora dengan gelaran "*Sultan Sulaiman Syah*". Pada tahun 1642 Sultan Sulaiman Syah mengistiharkan kemerdekaan bagi kerajaan Melayu Senggora. Kesahihan cerita di atas dapat dibuktikan melalui catatan seorang paderi

<sup>30</sup> Arena Wati, Samudra, DBP, Kuala Lumpur, muka kulit belakang

<sup>31</sup> Mawardi Rival (Datuk Haji), Kertas Kerja "Peran" Ulama Patani dan Kelantan dalam Sejarah perkembangan Islam di Kalimantan Barat" dalam Seminar "Dialog Utara VIII" anjuran GAPENA di Pattani, Thailand pada 1-4 Disember 1999 muka 5

<sup>32</sup> Supatra Sukhonthaphirom na Pattalung, Prawat Trakul Sultan Sulaiman, (Bangkok: Amarin Printing Group, 1988) muka 59

<sup>33</sup> Pada zaman itu Senggora termasuk dalam pemerintahan Pattalung

Perancis. De Choisi yang melawat Ayudhya di zaman Raja Ayudhya bernama Phra Narai. Dalam catatan Paderi itu ada menyebut :

*“ Pada tahun 1642 masihi ( B.E.2185) ada seorang Melayu yang memerintah di Negeri Senggora dan memberontak kepada Raja Siam. Lalu Raja Smelayu ini membina benteng peperangan yang kuat dan teguh. Kemudian mempelawakan semua pedagang supaya datang berdagang di Negeri Senggora secara besar-besaran. Pihak Siam telah beberapa kali membuat serangan tetapi mendapat kegagalan. Kemudian Raja Melayu ini mengistiharkan dirinya sebagai Raja dengan gelaran Sultan Negeri Senggora dan menjadi Sultan hingga wafat (B.F.2211)”<sup>33</sup>*

Di atas nisan perkuburan Sultan Sulaiman terdapat satu ayat dalam bahasa Melayu tulisan Jawi berbunyi “*Al-Marhum Sultan Sulaiman Syah, Raja memerintah Negeri Melayu Senggora* “. Di zaman Sultan Sulaiman memerintah negeri Senggora itu saudaranya yang bernama Sultan Farisi memerintah negeri Pattalung. Tapak pemerintahan Sultan Farisi terletak di pinggiran bukit Chaiburi, Pattalung kini tempat tersebut dikenali oleh penduduk Pattalung sebagai kota lama Bukit Chaiburi.<sup>34</sup> Sultan Farisi meninggal semasa beliau mengepalai tentera Pattalung untuk menyerang Kedah. Perkuburannya terletak di perkampungan Melayu di Mukim Charad, Daerah Kongra, Wilayah Pattalung. Kerajaan Melayu Senggora dapat mempertahankan kemerdekaannya hingga Sultan 'Sulaiman Syah mangkat pada tahun 1668. Pengganti takhtanya ialah Putra yang bernama Sultan Mustafa. Dalam usaha penghapusan kekuasaan kerajaan Melayu Senggora itu, pihak Raja Siam telah

<sup>33</sup> Supatra Sukhonthaphirom na Pattalung .op. Cit. Muka 97,119

<sup>34</sup> Pengkaji telah melawat tapak kota lama Syultan Farisi di Pattalung pada 18 Oktober 2000. Tempat ini masih terdapat kesan kota lama kini kawasan ini didapati telah menjadi tempat melepaskan nazar bagi masyarakat Buddha di sekitar Wilayah Pattalung.

melantik seorang Melayu bernama Mahmud sebagai raja bagi negeri Legor ( Nakorn Sri Thammarat ) dengan gelaran Phraya Ram Decho. Strategi pihak Siam sangat berhasil apabila seorang Melayu ( Phraya Ram Decho ) berperang dengan seorang Melayu (Sultan Mustafa ). Di bawah arahan pihak Siam, tentera pimpinan Phraya Ram Decho membuat serangan ke atas Negeri Senggora. Negeri itupun jatuhlah ke tangan pihak Phraya Ram Decho. Satu lagi strategi Siam untuk melemahkan negeri melayu Senggora ialah dengan cara pemindahan penduduk . Mereka yang berumur bawah 60 tahun dibawa ke Ayudhya termasuk adik-adik Sultan Mustafa iaitu Husin dan Hassan. Bagi Sultan Mustafa, mereka yang berumur 60 tahun ke atas dibawa ke Chaiya. Pada tahun 1682 Sultan Mustafa dilantik sebagai Raja Negeri Chaiya dengan gelaran Phraya Wichitphakdi Sripichai Songkhram. Manakala Husin dihantar balik ke Chaiya dan dilantik sebagai Raja Muda Chaiya dengan gelaran Phra Sri Rachsongkhram. Pada tahun 1687 Raja Muda Husin telah dilantik sebagai Raja Pattalung manakala Hassan pula dilantik sebagai Panglima Angkatan Laut Ayudhya dengan gelaran Phraya Rach Bangsa Seni. Walau bagaimanapun Laksamana Hassan atau Phraya Rach Bangsa Seni dihukum mati oleh Ayudhya pada tahun 1687 atas kesalahan bekerjasama dengan Phraya Ram Decho ( Mahmud ), Raja Negeri Legor dalam usaha membebaskan negeri Legor dari kekuasaan Ayudhya. Namun begitu keturunannya masih berkhidmat dengan Siam. Terdapat sesetengah dari mereka itu telah menukar agama dari agama Islam kepada agama Buddha kini mereka telah berjaya menjanginkan semua kerabat keluarga mereka dari kalangan agama Islam maupun agama Buddha berada di bawah satu jaringan yang dikenali dengan nama "*Persatuan Kerabat Keturunan Sultan Sulaiman*". Kewujudan jaringan ini bukan sahaja untuk mengeratkan hubungan di antara mereka, sebaliknya menonjolkan satu jaringan ekonomi di dalam masyarakat atasan di Thailand.

### **Hubungan Kerajaan Melayu Patani dengan Sukhothai – Ayudhya**

Dakwaan Thailand bahawa Patani berada di bawah pemerintahannya semenjak zaman Sukhothai lagi adalah berasaskan Inskripsi Raja Ramkhamhaeng yang kontroversi itu. Tetapi ia lebih nyata inskripsi tersebut adalah inskripsi yang mempunyai kepalsuan.

Di awal abad ke- 14 kerajaan negeri China telah menasihati kerajaan Siam supaya menghindari dari pertelingkahan di antara kerajaan Siam dengan negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu dalam usaha meluaskan kekuasaan Sukhothai ke sebelah selatan.<sup>35</sup> Walaupun Siam telah menguasai kawasan perairan Teluk Siam tetapi tiada bukti yang jelas mengatakan Siam pernah memerintah atau mempunyai pengaruh ke atas negeri-negeri Melayu di sebelah selatan.<sup>36</sup>

Setelah Sukhothai, wujudlah sebuah lagi kerajaan Siam yang berpusat di Ayudhya. Pada tahun 1350 Raja Ayudhya yang bernama Phra Chao Uthornng telah mengistiharkan kebebasan Ayudhya dari kekuasaan Sukhothai. Pada peringkat awal Ayudhya belum lagi dapat menguasai Sukhothai sebaliknya Sukhothai masih bebas dari kekuasaan Ayudhya hingga tahun 1438. Selepas itu barulah Sukhothai dikuasai oleh pihak kerajaan Ayudhya.

Sebenarnya status bagi negeri-negeri di sekitar kawasan Ayudhya tidak jelas semenjak tahun 1350 beberapa negeri termasuk negeri Patani yang mempunyai

<sup>35</sup> Paul Wheatley op. Cit. Muka 301 ; David k. Wyatt , Studies in Thai History ( Chiangmai:Silkworms Books , 1994)muka 41

pemerintahun tersendiri menganggap mereka bebas dari kekuasaan Ayudhya.<sup>37</sup> Walaupun Ayudhya menganggap negeri Patani dan negeri-negeri lain adalah sebahagian dari naungannya berdasarkan ufti atau bunga emas yang dihantarkan oleh negeri Patani, tetapi pada pandangan negeri Patani, penghantar bunga emas pada peringkat awal bukan bererti negeri Patani berada di bawah naungan kerajaan Siam. Keadaan yang sama berlaku pada negeri Melaka yang pernah menghantar bunga emas kepada negeri China. Hal ini berlaku pada tahun 1634 apabila pihak Raja Ayudhya, Phra Chao Prasart-thorng telah menghantar tentera Siam sebanyak 30,000 orang dari Ayudhya dan selain itu tentera dari negeri Legor, Pattalung untuk menyerang negeri Patani. Negeri Patani pula mendapat bantuan dari negeri-negeri Melayu seperti negeri Johor, Pahang dan Kelantan.<sup>38</sup> Tentera Ayudhya tidak dapat menguasai negeri Patani. Kemudian dalam bulan Oktober 1635 pihak Ayudhya menghantar utusan ke Patani maka 5 bulan kemudian Raja Patanipun membalas utusan itu dengan menghantar utusan ke Kota Ayudhya. Pada bulan Ogos 1636 Raja Patani menghantar Bunga Emas ke Ayudhya kemudian dalam tahun 1641 Raja Patani pergi melawat Kota Ayudhya untuk membina perdamaian di antara kedua-dua negeri seperti yang tercatat dalam catatan Van Vliet yang menyetakan penghantaran bunga emas adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan persahabatan dan pemergian baginda ke Ayudhya cuma untuk membina perdamaian sahaja.

Patani diperintah oleh 4 orang Ratu yang dikenali dengan "*zaman Ratu-ratu*". Di zaman pemerintahan seorang ratu yang bernama Raja Hijau (1589-1616) Patani

---

<sup>36</sup> Khrongchai Hatta, Pattani: Trade and Politics in the past (Pattani: Prince of Songkhla University, 1998) muka 98

<sup>37</sup> Ibid. muka 90

<sup>38</sup> A. Teew and D.K. Wyatt, op. Cit. Muka 17-18

berada dalam zaman kemuncak kemajuan dan kemakmuran. Untuk mempertahankan diri dari serangan Siam, Patani telah 2 kali bergabung menjadi satu negara dengan negeri Kelantan. Kali pertama berlaku pada sekitar tahun 1521<sup>39</sup> selepas mangkatnya Sultan Mansur Syah, Sultan Kelantan. Pihak Raja Patani melantik seorang gubernor untuk memerintah negeri Kelantan dengan gelaran “*Datuk*”, berpusat di Kota Pengkalan Datu. Datuk terpenting yang memerintah Kelantan ialah Nik Jamaluddin. Kemudian pada tahun 1554 Raja Mansur telah memberontak dan mengistiharkan kemerdekaan bagi negeri Kelantan dari negeri Patani. Gabungan kali kedua berlaku di zaman Raja Biru menjadi ratu Patani. Ratu Patani itu membuat desakan kepada Sultan Abdul Kadir (1616-1632), Sultan Kelantan supaya bergabung dengan Patani semula pada tahun 1618. Gabungan ini terbentuk dengan negeri Kelantan berada dalam Persekutuan Patani pada tahun 1619. Gabungan Persekutuan Patani atau Patani Besar kekal selama 131 tahun iaitu satu gabungan Kelantan – Patani yang terlama dalam sejarah.<sup>40</sup>

Selepas peperangan Ayudhya dengan Patani pada tahun 1634 di zaman Phra Chao Prasart-thorng, cerita Patani langsung tiada dalam catatan Hikayat atau Pongsawadan Siam. Sebaliknya hal Patani terdapat dalam catatan pedagang-pedagang asing yang singgah berdagang di Patani serta terdapat dalam catatan tempatan yang berbahasa Melayu tulisan jawi.<sup>41</sup> Patani muncul dalam Hikayat atau Pongsawadan Siam sekali lagi di zaman pemerintahan Raja Siam yang berbangsa Cina. Phra Chao Thaksin. Raja Siam tersebut telah memindahkan pusat

<sup>39</sup> Ibid. muka 105

<sup>40</sup> Ahmad Fathy Al-Fatany, Pengantar Sejarah Patani, Terjemahan bahasa Thai oleh Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan, Pattani: Prince of Songkhla University, 2000

pemerintahannya dari Kota ayudhya ke Thonburi setelah Kota Ayudhya dimusnahkan tentera Burma. Dalam catatan Hikayat atau Pongsawadan Siam ada mengatakan bahawa Raja Patani menyerahkan Raja Legor yang lari ke negeri Patani setelah memberontak kepada Siam pada tahun 1768. Di zaman Phra Chao Thaksin, negeri Patani bebas dari serangan tentera Siam.<sup>42</sup>

### **Ayudhya Ibu Kota Siam : 15 hari di bawah kuasa Raja Melayu**

Peristiwa seorang Raja Melayu menakuki Kota Ayudhya diketepikan dalam sejarah Thailand. Golongan elit keturunan Melayu di Selatan Thailand yang berpendidikan Thai kebanyakannya tidak pernah mendengar dan mengetahui bahawa peristiwa ini telah berlaku dalam Sejarah Thailand.<sup>43</sup>

Setelah kemangkatan Raja Patani yang bernama Sultan Ismail Syah, Putranya, Raja Muzaffar mewarisi takhta dengan gelaran Sultan Muzaffar Syah. Raja Mansur adinda Sultan Muzaffar Syah menjadi Raja Muda. Sultan Muzaffar Syah telah membuat kunjungan ke Ayudhya kunjungan itu bertujuan mengeratkan persahabatan di antara kerajaan Ayudhya dengan negeri Patani. Malangnya, kunjungan Sultan Muzaffar Syah tidak dilayan dengan selayaknya oleh Raja Siam. Walaupun begitu dalam kunjungan baginda itu, Raja Siam telah menghadiahkan beberapa hamba abdi tawanan Pegu (Burma) dan Lan Chang (Laos). Kini keturunan tawanan beragama buddha tersebut masih wujud lagi di kampung Ban Di, Daerah Jering.

<sup>41</sup> Khrongchai Hatta, *op.cit.* Muka 107

<sup>42</sup> *Ibid.* Muka 108

<sup>43</sup> Pengkaji telah temubual dengan beberapa kakitangan kerajaan Thailand yang berketurunan Melayu. Mereka terperanjat apabila Pengkaji memberitahu peristiwa ini dan membuktikan catatan yang terdapat dalam sejarah

Wilayah Pattani.<sup>44</sup> Tetapi mereka telah berasimilasi kepada kebudayaan Siam dengan secara menyeluruh.

Pada tahun 1563 apabila Pegu ( Burma ) membuat serangan ke atas Siam. Pihak Ayudhya meminta bantuan tentera dari Patani. Maka Sultan Muzaffar syah telah menyiapkan kelengkapan sejumlah 200 buah perahu jagap dan berlayarlah ke Ayudhya. Setiba di Ayudhya baginda berpeluang membalas dendam di atas layanan buruk raja Siam dulu dengan membuat serangan ke atas Ayudhya. Hal ini tercatat dalam Pongsawadan Krung kao ( Hikayat Kota Lama ) versi Luang Prasert Aksorn Nit ( 1972 ) berbunyi :

*" dalam tahun 925 (1563 masihi ) Raja Patani datang membantu Ayudhya berperang dengan Burma sebaliknya dia memberontak . Raja Paja Patani serta tentera Patani menyerang ke Istana lalu ( Raja Patani ) menaiki gajah putih berdiri tegak di tengah padang . Kemudian menurun dari gajah itu dan terus ke tempat pembunuhan orang . Semasa itu berita diketahui luas . Orang Ayudhya telah mengikat tali besar dan bertempur dengan tentera patani lalu Raja Patani melarikan diri dengan perahunya "*

Dalam peristiwa penaklukan Ayudhya itu, Sultan Muzaffar syah sempat berkuasa selama 15 hari. Ada satu lagi catatan dalam *pongsawadan Krung Siam ( Hikayat Negeri Siam )* naskah asal di British Museum, London ( 1994 ). Tetapi pertiwanya berbeza, catatan tersebut berbunyi :

*" Pada tahun 1549 semasa perang Hongsawati. Sultan Patani mengepalui tentera Patani sebanyak 200 buah perahu jagap "*

<sup>44</sup> Pengkaji telah melawat ke Kampung tersebut pada 14 September 2000

*untuk membantu (Siam). Tentera laut Patani itu telah berlabuh di Wad Kud Bangkachak. Kemudian esok pagi berangkat dan berlabuh di Pintu Gerbang lalu Sultan Patani menggunakan kesempatan itu untuk memberontak dan membuat serangan ke atas istana. Phra Maha Chakrapat (Raja Ayudhya) dapat melarikan diri dengan perahu Diraja Sri Saklad pergi ke pulau Mahapram. Lalu para menteri membuat serangan balik ke atas istana dan mengusirkan tentera Patani hingga mereka melarikan diri dan terus ke perahu jagapnya. Dan para menteri datang menjemput Phra Maha Chakrapat kembali ke istananya "*

Sultan Muzaffar syah beserta lebih kurang 1,500 orang tentera sahaja yang mempertahankan istana Ayudhya dari serangan balas tentera Siam. Selebihannya tentera Patani itu telah berangkat pulang ke negeri Patani bersama Raja Mansur, Adinda Sultan Muzaffar syah. Walaupun Sultan Muzaffar syah sempat menyelamatkan diri dari tentera Siam, tetapi Sultan Muzaffar syah telah mangkat secara mengejut di Kuala Sungai Chao Phraya. Dan baginda dikebumikan di kuala sungai negeri Siam itu.<sup>45</sup>

### **Patani dibahagi-bahagikan**

Selepas tamatnya peperangan di antara Siam dengan Burma pada tahun 1785, Raja Rama I, Raja Siam telah mengarahkan adindanya yang bernama Prince Mahasurasinghanat membuat serangan ke atas negeri-negeri yang masih bebas di sebelah selatan. Negeri Patani enggan tunduk kepada Siam dan telah diserang oleh Siam. Maka jatuhlah negeri Patani ke tangan Siam pada tahun 1786. Di dalam peperangan itu Sultan Muhammad, Raja Patani mangkat di dalam pertempuran. Lalu

<sup>45</sup> Ahmad Fathy Fatani, Pengantar Sejarah Patani Terjemahan Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan op.cit. Muka 11

pihak Siam melantik Tengku Lamidin menjadi Raja Patani.<sup>46</sup> Perlantikan itu adalah pertama kali dalam sejarah Siam yang bercampurtangan di dalam perlantikan raja-raja Melayu di negeri Patani.

Pada tahun 1891 Tengku Lamidin menyerang negeri Senggora. Raja Senggora dan Raja Ligor yang datang membantu Senggora tidak dapat melawan Patani lalu mereka terus lari ke Pattalung. Akhirnya tentera Siam di bawah pimpinan Phraya Klahom dari Bangkok berjaya mengalahkan tentera Patani. Sekali lagi Siam melantik seorang pembesar Melayu menjadi raja Patani dengan gelaran Datu Pengkalan. Laksamana Dajang seorang Siam dilantik menjadi pesuruhanjaya di Patani.

Datuk Pengkalan memberontak Siam dengan kerjasama dari Datuk Sai dan Datuk Pujud. Pihak Patani berjaya mengusir Laksamana Dajang dan tentera Siam berundur ke Ligor. Beberapa bulan kemudian tentera Siam dari Bangkok datang menyerang Patani. Datuk Pengkalan terbunuh di dalam medan pertempuran.<sup>47</sup> Setelah Siam dapat menakluki Patani, Phraya Klahom pemimpin tentera Siam telah melantik Nai Khwan Sai seorang Cina anak kepada Pemerintah negeri Chanak menjadi Gubernur Patani pada tahun 1808. Perlantikan ini menjadi perlantikan pertama dalam sejarah Patani apabila seorang bukan Melayu dilantik menjadi pemerintah negeri

<sup>46</sup> Chao Phraya Thipakornwongsa, Phrarach Pongsawadan Rachkan thi Neung ( Hikayat Rama I ), National Library, Bangkok Muka 140

<sup>47</sup> Ibrahim Syukri, Sejarah Kerajaan Melayu Patani : History of the Malay Kingdom of Patani, Translated by Conner Bailey and John N. Miksic ( Ohio: Ohio University Presss, 1985 ) Muka 58-59

Melayu Patani. Setelah Nai Khwan Sai meninggal pada tahun 1815, adiknya yang bernama Nai Phai dilantik sebagai pengganti jawatan tersebut.<sup>48</sup>

Di zaman Nai Phai memerintah Patani. Beliau membina tempat kediamannya di Kampung Jambu ( Daerah Jering, Wilayah Pattani sekarang ). Waktu inilah berlakunya pertelingahan di antara pemerintah Patani dari keturunan asing dengan para pembesar dari keturunan raja-raja Melayu sebelum ini. Semasa berlaku pertelingahan inilah pihak Siam mengambil peluang untuk melemahkan Patani dengan menggunakan dasar yang dikenali sebagai " *Divide and Rule* " ke atas negeri Patani. Ini dilakukan oleh Phraya Aphaisongkhram dan Phraya Songkhla ( Tian Chong ) atas arahan dari Raja Siam.<sup>49</sup> Memang sebelum melakukan pemecahan negeri Patani, negeri ini masih mempunyai beberapa raja-raja Melayu yang memerintah di daerah - daerah dalam kawasan negeri Patani. Tetapi semua raja-raja daerah itu berada dibawah raja besar yang berpusat di Patani. Pemecahan ini dapat menambahkan kuasa raja daerah dan mengurangkan kuasa raja Patani dan melantik raja-raja baru. Sehingga raja-raja tersebut dan raja Patani mempunyai taraf dan kuasa yang sama. Berikut pemecahan tersebut ialah:

1. Nai Phai ( Orang Siam ) menjadi Raja Jering berkuasa di Jering
2. Tuan Sulong menjadi Raja Patani berkuasa di Kerisik

<sup>48</sup> Ibid. Muka 60

<sup>49</sup> Ada perbezaan dengan nama Raja Siam yang membuat pemecahan kawasan negeri Patani. Pongsawadan Muang Songkhla ( Hikayat Negeri Senggora ) menyatakan pemecahan negeri Patani dilakukan di zaman Raja Rama I. Sebaliknya Pongsawadan Muang Patani ( Hikayat Negeri Patani ) dan Prawat Muang Patani ( Sejarah Negeri Patani ) dan Prince Dhamrong Rajanubhap mengatakan pemecahan tersebut dilakukan di zaman Raja Rama II. Dan jika dikira mengikut catatan dalam buku Sejarah Kerajaan Melayu Patani, pemecahan tersebut dilakukan pada tahun

3. Tuan Nik menjadi Raja Nongchik berkuasa di Nongchik
4. Tuan Mansur menjadi Raja Reman berkuasa di Reman
5. Tuan Jalor menjadi Raja Jalor berkuasa di Jalor
6. Nik Deh menjadi Raja Sai berkuasa di Jeringa
7. Nik Dah menjadi Raja Legeh berkuasa di Legeh

Tuan Sulong yang dilantik menjadi Raja Patani adalah anak Raja Bendahara Negeri Kelantan( Long Jenal ).<sup>50</sup> Pada tahun 1832 Tuan Sulong disingkirkan dari jawatan raja Patani berikutan baginda terlibat dalam kebangkitan penentangan Siam dalam tahun 1831. Sekali lagi pihak Siam membuat perlantikan ke atas jawatan raja-raja Melayu Patani. Perlantikan yang berlaku pada tahun 1832 adalah seperti berikut:<sup>51</sup>

1. Nik Yusuf dilantik menjadi Raja Patani
2. Nai Men ( Orang Siam ) dilantik menjadi Raja Nongchik
3. Nai Jim Sai ( Orang Siam ) dilantik menjadi Raja Jala
4. Nik Bongsu dilantik menjadi Raja Legeh

Nik Yusuf adalah seorang Melayu yang berasal dari Kampung Kerisik.<sup>52</sup> Semasa kecil beliau dibawa oleh tentera Siam ke Bangkok. Di Bangkok beliau berada dalam keadaan kesiaman. Kemungkinan ini satu strategi Siam dalam

1816 ia tepat dengan zaman Raja Rama II

<sup>50</sup> Nik Anuar Nik Mahmud, Sejarah Perjuangan Melayu Patani, Penerbit UKM, Bangi 1999 Muka 21

<sup>51</sup> Khrongchai Hatta, op. Cit Muka 174

<sup>52</sup> Pengkaji telah melawat kubur Nik Yusuf atau Raja Tok Ki di Kampung Kerisik, Patani pada 28 Oktober 2000. Beliau

membentuk seorang manusia supaya menaatinya di masa depan. Keturunan Raja Tok Ki ia agaknya berlainan dengan keturunan raja-raja Melayu yang lain dari segi ketaatsetiaan terhadap kerajaan Siam.<sup>53</sup>

Dalam tahun 1842 Nik Yusuf, Raja Patani telah dipindahkan dari jawatan Raja Patani menjadi Raja Jering. Jawatan Raja Patani dipegang oleh Tuanku Muhammad atau Tuan Besar Bin Tuan Ahmad, Raja Kampung Laut, Kelantan dan bekas Perdana Menteri Negeri Kelantan. Dinasti raja-raja Patani dari keturunan Tuan Besar dikenali dengan nama "*Dinasti Kelantan*". Dinasti tersebut memerintah negeri Patani sehingga tahun 1902.

Pada tahun 1902 pihak Raja Rama V telah mengintegrasikan negeri-negeri Patani ke dalam satu sistem pentadbiran yang dikenali dengan sistem Thesaphibal. Sistem ini mulai diperkenalkan pada tahun 1894. Satu-satu kawasan pentadbiran dalam sistem Thesaphibal dipanggil "*Monthon*". Di sebelah Selatan negeri Thailand Monthon yang paling awal dibentuk ialah Monthon Ligor pada tahun 1896 kemudian Monthon Saiburi yang terdiri dari negeri Kedah, Perlis dan Setul. Dalam tahun 1902 pihak Siam mengeluarkan satu regulasi pentadbiran negeri-negeri Melayu Patani dikenali dengan nama Pentadbiran 7 negeri-negeri Patani atau "*Boriwen Jed Hua Muang*". Dalam regulasi ini negeri Kecil Patani digabungkan bersama dengan Negeri Nongchik, Jala, Reman, Sai, Jering ( Jambu ) dan Legeh dengan berada dibawah kawalan seorang pesuruhjaya Siam<sup>54</sup> atau "*Khaluang Jai*"

adalah nenek moyang kepada Tengku Anis, Sultanah Kelantan sekarang

<sup>53</sup> Prayunsakdi Chalayondecha, *Muslim nai Prates Thai*, (Bangkok : Krongsamud Klang Islam, 1996) Muka 62

<sup>54</sup> Phraya Sak Seni ( Na Bunnag ) adalah Pesuruhjaya Boriwen Jed Hua Muang yang pertama

yang pusat di Patani.<sup>55</sup> Dan pesuruhjaya ini berada dibawah arahan pesuruhjaya Monthon atau “*Khaluang Thesaphibal*” yang berpusat di Senggora.

Kemudian pada tahun 1906 negeri-negeri Patani yang dikenali dengan nama Boriwen Jed Hua Muang telah dipisahkan dari pentadbiran Monthon Ligor. Hasil pemisahan ini terbentuklah Monthon Patani tersendiri.<sup>56</sup> Pembentukan Monthon ini terlaksana dengan menggabungkan beberapa negeri-negeri seperti berikut:

1. Negeri Patani terdiri dari Patani, Jering dan Nongchik.
2. Negeri Jala terdiri dari Jala dan Reman
3. Negeri Sai atau Saiburi (Teluban)
4. Negeri Legeh

Phraya Sak Seni ( Na Bunnag ) dilantik sebagai Pesuruhjaya Monthon Patani yang pertama, beliau adalah bekas pesuruhjaya bagi Boriwen Jed Hua Muang dahulu. Perlantikannya berdasarkan pengetahuannya dalam bahasa Inggeris dan pernah bertugas di Patani.<sup>57</sup> Bagi negeri Legeh, Pusat pentadbirannya dipindah dari Tanjung Mas ke Daerah Bangnara atau Menara.<sup>58</sup> Seterusnya Daerah Menara diangkat menjadi Negeri atau Muang Menara sebaliknya negeri Legeh diturunkan taraf menjadi daerah dan diserapkan ke dalam Negeri atau Muang Menara. Pada 10 Jun 1915

<sup>55</sup> Somchot Ongsakul, *The Administrative Reform of Monthon Patani (B.E.2449-2474)*, Tesis M.A., University of Srinakharinrawit, Prasammitr, Bangkok, 1978 Muka 163

<sup>56</sup> Pengistiharan Pembentukan Monthon Patani dalam *Rachkitchanubeksa* Vol. 23 tarikh 27 Julai 1907 National Archives, Bangkok

<sup>57</sup> Somchot Ongsakul op.cit Muka 187

<sup>58</sup> Menara berasal dari perkataan Menora. Iaitu permainan tradisional yang dipertunjukkan dipinggir pantai itu semasa hari

Muang Menara atau Bangnara ditukarkan nama menjadi Muang Narathiwas. Kemudian pada tahun 1916 pihak kerajaan mengistiharkan penukaran perkataan dari perkataan Negeri atau Muang menjadi Wilayah atau Changwad ( Province ).<sup>59</sup>

Pada 10 jun 1931 pihak kerajaan Siam telah membuat pembubaran 4 Monthon dan 9 Changwad. Monthon Patani termasuk dalam sebuah Monthon yang dibubarkan itu. Bagi Changwad-c'angwad di dalam bekas Monthon Pattani diletak bawah Pentadbiran Monthon Ligor. Berikutan pembubaran Monthon Pattani itu termasuklah pembubaran sebuah Changwad atau Wilayah dalam bekas Monthon itu. Changwad yang dibubarkan itu ialah Changwad Saiburi dengan menurunkan tarafnya menjadi Daerah Saiburi dan diserapkan ke dalam Wchangwad Pattani. Kecuali Daerah Bachok yang sebelum ini berada dalam Changwad Saiburi diserapkan ke dalam Changwad Narathiwas.


Selepas perubahan sistem pentadbiran dari Monarki kepada sistem Demokrasi, kesemua kawasan asal negeri Patani terbahagi menjadi Changwad atau Wilayah seperti berikut :

1. Wilalah Pattani
2. Wilayah Narathiwas
3. Wilayah Yala

keramaian bagi nelayan-nelayan sekitar kawasan tersebut

<sup>59</sup> Pengistiharan penukaran perkataan Muang menjadi Changwad , Dokumen Raja Rama VI no. M. 3.2/39 bertarikh 5 mei 1916 , National Archives, Bangkok

Peta 2. Kawasan Kesan Kota Raja Sai di Jeringa



Semenjak tahun 1933 pihak Siam telah mengistiharkan pembubaran semua Monthon di seluruh Negara. Walau bagaimanapun ketiga-tiga wilayah tersebut masih kekal hingga sekarang.

### **Negeri Sai dan Daerah Bachok**

Negeri Sai adalah salah sebuah negeri yang termasuk dalam 7 negeri-negeri kecil yang dibahagikan pada tahun 1816. Sebelum pembahagian tersebut, memang telah lama negeri Sai wujud dalam sejarah Patani. Dalam Hikayat Patani ada menyebut seorang puteri Sultan Ismail Syah, Raja Patani pertama yang memeluk agama Islam bernama Raja Siti Aisyah iaitu Pemangku Raja Patani semasa Sultan Patik Siam masih kecil. Sultan Patik Siam adalah Putera kepada Sultan Muzaffar syah yang pernah menakluki kota Ayudhya. Raja Siti Aisyah telah berkahwin dengan Raja Jalaluddin, Raja atau Datuk Sai dan telah terbunuh pada tahun 1573. Ia membuktikan bahawa di abad ke-16 telah wujudnya negeri Sai. Sekarang masih terdapat kesan pusat pemerintahan negeri Sai lama di sekitar Kampung Kota.<sup>60</sup> Kini kesan tersebut berada dalam Daerah Bachok, Wilayah Narathiwat.

Peranan negeri Sai dalam Sejarah Patani tidak boleh dinafikan. Pada tahun 1808 semasa Datuk Pengkalan, Raja Patani membangkit penentangan terhadap Siam. Datuk Sai dan Datuk Pujud turut terlibat dalam penentangan Siam itu. Semasa pihak Siam memecahkan negeri Patani menjadi negeri-negeri kecil dalam tahun 1816 itu, seorang pembesar Melayu yang bernama Nik Deh dilantik menjadi Raja

<sup>60</sup> Pengkaji telah melawat sekitar kawasan kesan lama tersebut pada 15 september 2000

Negeri Sai dengan berpusat di Jeringa.<sup>61</sup> Terdapat beberapa raja yang pernah memerintah negeri Sai selepas Nik Deh iaitu Nik Lebai atau Tengku Jalaluddin. Kemudian penggantinya ialah Nik Kelpek atau Tengku Abdul Kadir. Raja Melayu terakhir bagi negeri Sai sebelum pihak Siam memansuhkan jawatan itu ialah Nik Pik atau Tengku Abdul Muttalib. Anak Tengku Abdul Muttalib yang bernama Tengku Abdul Jalal atau dikenali dengan nama Adul Na Saiburi pernah menjadi ahli Parlimen Thailand bagi kawasan Wilayah Narathiwat. Kemudian apabila beliau terlibat dalam pertelingahan dengan pihak kerajaan Siam berkenaan dengan layanan buruk Pegawai Siam terhadap penduduk Melayu, beliau terus melarikan diri ke Kelantan dan beliau adalah salah seorang pengasas sebuah pertubuhan pembebasan Melayu Patani yang bernama Barisan Nasional Pembebasan Patani atau BNPP sekarang menjadi Barisan Islam Pembebasan Patani.

Di zaman negeri Sai berstatus sebagai sebuah negeri "*Vassal State*". Negeri ini pernah mempunyai mata wang tersendiri dan penilaian mata wang negeri Sai berbeza dari negeri-negeri Melayu yang lain. Perbandingan nilai mata wang negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut :

**Jadual 1. Mata wang negeri – negeri Melayi Patani**

Mata wang negeri Patani

25 Pitis	= 1 Keneri
100 Pitis @ 4 Keneri	= 1 kupang

<sup>61</sup> Pengkaji telah melawat kesan istana lama di Jeringa, Narathiwat pada 8 September 2000

Mata wang negeri Jering atau Jambu

20 Pitis = 1 Keneri

80 Pitis @ 4 Keneri = 1 Kupang

Mata wang negeri Legeh

10 Pitis = 1 Keneri

40 Pitis @ 4 Keneri = 1 Kupang

Mata wang negeri Sai

12 Pitis = 1 Keneri

48 Pitis @ 4 Keneri = 1 Kupang

Mata wang negeri Reman


Tidak mempunyai catatan nilainya

Mata wang negeri Jala dan Nongchik

Kedua - dua Negeri tiada mata wang sendiri cuma di negeri Jala terdapat "*Gambling Token*" yang dikeluarkan oleh kelompok masyarakat Cina.

Mata wang negeri Sai mempunyai 3 jenis. Pertama dikeluarkan pada tahun 1873 dengan tertulis dalam bahasa Arab berbunyi : "*Malik Al-Adil Fi Balad Al-Saiwi Sanat 1290*", Kedua dikeluarkan pada tahun 1889 dengan tulisan dalam bahasa Arab berbunyi : "*Al-Daulat Al-Kairiyat Fi Balad Al-Saiwi Sanat 1307*" dan ketiga dikeluarkan dalam tahun 1891 dengan tulisan dalam bahasa Arab berbunyi : "*Atazi*


Foto 1. Sebahagian dari Mata Wang Negeri-Negeri Melayu Patani



Pitis Negeri Patani 1261 A.H. (1845)

" Ini Pitis Belanja Raja Patani "


" Khalifatu! Mu'minin Sanat 1261 "



Pitis Negeri Lige (No Date)


" Pitis Negeri Lige Dar Al Salam "

"Malik Al Adil Khalifatul Mu'minin"



Pitis Negeri Jering 1261 A.D. (1845)


" Ini Pitis Jering Sanat 1261 "



Pitis Negeri Sai 1307 A.D. (1889)

" Al Daulat Al Kariyat Fi Balad

Al Saiwi 1307 "



*Tazani Fi Billah Bisawaf Tubin Sanat 1308 hijriah* " Penggunaan wang siling ini terhenti pada tahun 1897 .

Negeri Sai mempunyai tanah jajahannya yang luas. Kawasan Bandar Narathiwas sekarang juga termasuk dalam kawasan takluk raja Sai. Di Bandar Narathiwas masih terdapat sebuah pengkalan perahu di tepi Sungai Menara yang dikenali dengan nama *Pengkalan Raja Sai*. Pemindahan pusat pentadbirannya dari Jeringa ke Teluban (Pusat Bandar Saiburi sekarang ) tercatat dalam catatan Raja Rama V.<sup>62</sup> Semasa Raja Rama V melawat negeri-negeri Melayu Patani itu pada tahun 1890, baginda bertanya kepada raja negeri Sai tentang pemindahan pusat pentadbiran dari Jeringa ke Teluban. Raja negeri Sai menjawab bahawa di Jeringa perjalanan melalui sungai di musim kemarau tidak dapat diteruskan dan telah berpindah ke Teluban selama 18 tahun dari tarikh lawatan Raja Rama V itu. Dalam tahun 1909, satu kawasan dalam negeri Sai diangkat taraf menjadi "*King-Amphoe*" atau "*Sub-District*" dengan nama "*King-Amphoe Champaka*". Kemudian dalam tahun 1910 diangkat taraf sekali lagi menjadi "*Amphoe*" atau "*daerah*" dengan nama Amphoe Champaka.<sup>63</sup> Pada tahun yang sama Daerah Jeringa yang sebelum ini berada di dalam Muang atau Negeri Sai diserapkan ke dalam Muang Menara atau Negeri Menara ( Muang Bangnara ).<sup>64</sup> Kemudian dalam tahun 1918 Daerah Champaka ditukarkan nama kepada Daerah Atas Beris atau Amphoe Berek Nua. Akhirnya dalam tahun yang sama pusat pentadbiran daerah dipindahkan dari Atas Beris ke Bachok dan taraf Atas Beris diturunkan menjadi mukim. Tempat pentadbiran baru yang

<sup>62</sup> Raja Rama V, Sadej Prapas Laem Melayu, ( Bangkok : Kurusapha, 1963 ) Muka 42

<sup>63</sup> Amphoe Bachok, Banyai Sarup Amphoe Bachok, Bachok, 1997

<sup>64</sup> Changwad Narathiwat, Kho Mun Tua Pai Changwad Narathiwat, Narathiwat, 1997

bernama Bachok itu nama asalnya ialah Pek Boon. Kerana di tempat itu terdapat seorang Cina bernama Boon. Setelah pusat pentadbiran dipindah ke Bachok, nama daerahpun ditukarkan menjadi Amphoe Bachok. Kemudian pada tahun 1931 Changwad Saiburi/ Sai dibubarkan dengan pembubaran itu Mukim Lubuk Sawa yang terletak dalam Daerah Jeringa, Wilayah Narathiwat diserapkan ke dalam Daerah Bachok. Maka Daerah Bachok itupun diserapkan ke dalam Wilayah Narathiwat sehingga sekarang.<sup>65</sup>

### **Pentadbiran Pemerintahan Thailand**

Akta Pentadbiran pemerintahan kerajaan Thailand tahun 1933 telah membahagikan pentadbiran kepada 3 bahagian iaitu:

#### **1. Bahagian Pentadbiran Pusat**

Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan "*Kan Pokrong SuanKlang*" iaitu pentadbiran badan - badan kerajaan di Bangkok

#### **2. Bahagian Pentadbiran Kawasan atau Regional**

Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan "*Kan Pokrong Suan Phumiphak*" iaitu pentadbiran badan-badan kerajaan di peringkat wilayah atau Changwad dan Daerah atau Amphoe.

2.1 Dalam Wilayah atau Changwad mempunyai seorang governor atau *Phuwa Rachkan Changwad* yang mentadbirkan sesebuah wilayah. Adakala penduduk melayu

<sup>65</sup> Amphoe Bachok ,Banyai Sarup Kho Rachkan Amphoe Bachok , Bachok , 1991-92

memanggil “*governor*” dengan nama “*raja negeri*”. Ia adalah kesan dari panggilan jawatan pemerintah di zaman negeri-negeri kecil Patani dahulu. Gubernur dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri. Dan pernah satu ketika pihak ahli politik mengesyorkan supaya jawatan governor dipilih oleh rakyat mengikut pilihanraya. Tetapi pihak Majlis Keselamatan Negera Thailand telah membantah cadangan tersebut dengan alasan jika berlaku pemilihan tersebut. Jawatan-jawatan governor di wilayah-wilayah Melayu akan disandang oleh ahli politik Melayu dan di sesetengah wilayah di timur laut Thailand akan disandang oleh orang yang disokong oleh ahli perniagaan keturunan Vietnam yang berpengaruh di wilayah tersebut. Wilayah atau *Province* itu terdiri dari beberapa daerah atau *Amphoe*.

2.2 Daerah atau *Amphoe* mempunyai seorang ketua daerah yang dipanggil dalam bahasa Thai dengan nama *Nai Amphoe*. Mereka juga dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri. Dan dalam satu daerah atau *Amphoe* terdiri dari beberapa mukim atau *Tambon*. Begitu juga dalam satu mukim atau *Tambon* terdiri dari beberapa kampung atau *Muban*.

2.2.1 Mukim atau *Tambon* diketuai oleh seorang ketua mukim yang dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Kamnan*. Biasanya penduduk Melayu memanggilnya dengan nama *Tok Kamnan*. Mereka dipilih oleh penduduk dalam mukim dari kalangan ketua kampung yang mencalonkan diri mereka dalam pertandingan pilihan *Kamnan*. Jangka masa jawatan *Kamnan* ialah 5 tahun. Kakitangan *Kamnan* dalam pentadbiran mukim terdiri dari seorang petugas kesihatan mukim atau dikenali dengan Bomoh mukim atau *Phaet Tambon*, penyelia mukim ( Sarawat *Kamnan* ) 2 orang, pembantu ketua kampung bahagia pentadbiran atau *Phuchuai Phai Pokkhrong*

dan pembantu ketua kampung bahagian keselamatan atau *Phuchuai Phai Kwam Plodphai* 2 orang. Seseorang yang dipilih menjadi ketua mukim, selain mereka menjawat jawatan tersebut yang mentadbirkan seluruh mukim mereka juga masih menjadi ketua kampung sebelum mereka dipilih menjadi ketua mukim.

2.2.2 Kampung atau Muban diketuai oleh seorang ketua kampung yang dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Phu Jai Ban*. Biasanya dipanggil oleh penduduk Melayu sebagai *Tok Nai Ban*. Mereka juga dipilih oleh penduduk Kampung mengikut Undang - Undang pemilihan Kamnan dan Phu Jai Ban tahun 1999. Kedua - dua jawatan itu mempunyai jangka masa selama 5 tahun. Kakitangan ketua kampung terdiri dari pembantu ketua kampung (*Phuchuai Phai Pokkhrong*) 2 orang dan pembantu ketua kampung bahagian keselamatan (*Phuchuai Phai Kwam Plodphai*) 2 orang.

Selain itu dalam satu - satu jampung masih mempunyai ahli jawatankuasa pentadbiran kampung terdiri dari 9-12 orang yang dipilih oleh penduduk Kampung, tetapi biasanya dipilih oleh ketua kampung. Penduduk kampung kebanyakan tidak mengetahui bahawa ia adalah hak mereka untuk memilih ahli jawatankuasa tersebut.

### 3. Bahagian Pentadbiran Tempatan

Bahagian ini dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Kan Pokkhrong Suan Thorngtin*. Bahagian ini terdiri dari beberapa badan seperti berikut:

3.1 Dewan Pentadbiran Wilayah atau dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Ongkan Borihan Suan Changwad* atau ringkasannya Oo. B. Cho. Ahli

Dewan ini terdiri dari wakil rakyat di setiap daerah. Jumlah wakilnya mengikut jumlah penduduk dalam daerah. Sebelum undang - undang perlembagaan Thailand tahun 1997, pengerusi dewan ini dipegang oleh gubernor wilayah. Setelah Perlembagaan tersebut dijalankan, pengerusi dewan dipegang oleh wakil rakyat yang dipilih oleh ahli dewan tersebut.

3.2 Majlis Perbandaran atau *Thesban*. Majlis Perbandaran terdiri dari ahli majlis sebanyak 12-18 orang mengikut jenis majlis tersebut yang juga dari pilihanraya. Ketua majlis dipilih dari kalangan ahli majlis tersebut. Jangka masa ahli majlis perbandaran adalah selama 4 tahun.

3.3 Badan Pentadbiran Mukim atau dikenali dalam bahasa Thai dengan nama *Ongkan Borihan Suan Tambon* atau ringkasannya *Oo. Bo. To.* Mengikut Undang-undang pemilihan Ongkan Borihan Suan Tambon tahun 2000. Ahli badan ini setiap kampung mempunyai 2 orang wakil yang dipilih oleh penduduk kampung. Badan ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian pentadbiran terdiri dari pengerusi badan dan timbalan pengerusi badan 2 orang ketiga-tiga jawatan ini dipilih dari Ahli badan, penolong pegawai daerah bahagian mukim selaku Setiausaha Badan, dan beberapa jawatan lagi. Bahagian kedua ialah bahagian legislatif terdiri dari pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha yang dipilih dari ahli badan. Semua ahli badan kecuali yang menjawat dalam bahagian pentadbiran adalah ahli dalam bahagian legislatif itu.

## **Wilayah Narathiwas**

Wilayah Narathiwas terletak di sebelah Pantai Timur selatan Thailand. Wilayah ini di sebelah utara bersempadan dengan Wilayah Patani dan Teluk Siam. Sebelah timur bersempadan dengan negeri Kelantan dan Teluk Siam. Di sebelah selatan bersempadan dengan negeri Perak dan di sebelah barat bersempadan dengan Wilayah Yala.

Kawasan Narathiwas sekarang berasal dari 4 bahagian negeri-negeri di zaman dahulu. Negeri-negeri tersebut ialah:

1. Negeri Legeh, sebahagian besar dari Wilayah Narathiwas adalah berasal dari kawasan negeri Legeh. Sekarang Legeh atau sebutan bahasa Thai dengan *Rangae* adalah salah satu daerah dalam Wilayah Narathiwas. Kawasan negeri Legeh dahulu yang termuat dalam Wilayah Narathiwas adalah Daerah Rangae, Chanaek, Chok-Airong, Ruso ( Jabat ), Sri Sakorn, Waeng, Sukhirin, Sungai Padi.

2. Negeri Reman, ada sebahagian kawasan dalam Daerah Ruso ( Jabat ) yang berasal dari tanah negeri Reman. Kawasan itu ialah Temangan .

3. Negeri Sai, kawasan yang menjadi bekas negeri Sai atau Saiburi ialah Daerah Bachok, Jeringa dan Daerah Muang atau Pusat Bandar Narathiwas sekarang.

4. Negeri Kelantan, dalam sejarah Narathiwas diketepikan berkenaan dengan sebahagian kawasan dari negeri Kelantan yang telah diserapkan ke dalam

Wilayah Narathiwas. Peristiwa penyerahan tanah negeri Kelantan disebut dalam sejarah Kelantan dengan berbunyi :

*" Sir John Anderson, Governor of the Straits Settlements and High Commissioner for the Federated Malay States, objected to the proposed Kelantan - Legeh boundary. As a result fresh arrangements were made with the Siamese Government for the cession of the Lower part of Legeh including the headwaters of the Pergau River. In return, a small corner in the north-east of Kelantan was to be given to Siam. Eventually, on 10 March 1909, the final version of the treaty was formally signed in Bangkok by Paget and by Prince Devawongse Varoprakar, The Siamese Foreign Minister. It was duly ratified by both governments on 9 July the same year "66 .*

Yang disebutkan "*a small corner in the northeast of Kelantan*" ialah kawasan yang sekarang termasuk Kampung Tanjong ( Selatan Narathiwas ), Kampung Che'Hel, Kampung Belawan ( Ban Phraiwan ), Kampung Tabal ( Ban Tak Bai ) dan Kampung Sungai Golok, serta kawasan yang dilalui Sungai Golok, Sungai Menara, Sungai Layar, Sungai Kayu Kelat, Sungai Padi dan Sungai Elong. Tanah negeri Kelantan yang diserapkan ke dalam Wilayah Narathiwas terdiri dari Daerah Tak Bai, Daerah Sungai Golok, Sebahagian dari Daerah Sungai Padi dan sebahagian dari Daerah Waeng.

Narathiwas terdiri dari 13 Daerah atau Amphoe iaitu:

1. Daerah Muang atau Bandar Narathiwas
2. Daerah Tak Bai atau Tabal
3. Daerah Sungai Golok

4. Daerah Sungai Padi
5. Daerah Waeng
6. Daerah Rangae atau Tanjung Mas
7. Daerah Ruso atau Jabat
8. Daerah Sri Sakorn
9. Daerah Yingo atau Jeringa
10. Daerah Bachok
11. Daerah Chanaek
12. Daerah Chok-Airong
13. Daerah Sukhirin

Daerah Bachok terdiri dari 6 mukim iaitu:


1. Mukim Bachok yang terdiri dari 8 kampung
2. Mukim Lubuk Sawa yang terdiri dari 6 kampung
3. Mukim Gajag Mati yang terdiri dari 5 kampung
4. Mukim Atas Beris atau Berek Nua yang terdiri dari 5 kampung
5. Mukim Beris atau Berek Tai yang terdiri dari 6 kampung
6. Mukim Belukar Samak yang terdiri dari 10 Kampung

Mukim Bachok terdiri dari kampung - kampung seperti berikut:


1. Kampung atau Mu 1 ialah Kampung Bechah
2. Kampung atau Mu 2 ialah Kampung Pek Boon
3. Kampung atau Mu 3 ialah Kampung Duku

- 4.Kampung atau Mu 4 ialah Kampung Setan
- 5.Kampung atau Mu 5 ialah Kampung Pauh Bak
- 6.Kampung atau Mu 6 ialah Kampung Pracha atau Peli
- 7.Kampung atau Mu 7 ialah Kampung Duku Surau
- 8.Kampung atau Mu 8 ialah Kampung Bechah 2


Peta 3. Wilayah Narathiwas




Peta 4. Daerah Bachok




Peta 5. Kawasan Kampung Duku



**Rajah 1. Struktur perubahan negeri Patani**



Rajah 2. Struktur bahagian pentadbiran kawasan



**Jadual 2. Jumlah Penduduk Muslim mengikut kawasan pada tahun 1989**

Kawasan	Jumlah Muslim	Peratus Muslim	Jumlah semua
Selatan	1,790,649	25.59	6,996,250
Bangkok	236,230	4.05	5,832,843
Tengah	182,947	1.31	13,993,250
Utara	11,434	0.12	9,490,030
Timur Laut	3,476	0.02	19,575,949
Jumlah semua	2,224,736	3.98	55,888,393

Sumber : Muslim Santichon Foundation, Bangkok, 1991.

**Jadual 3. Jumlah Penduduk Muslim di Selatan Thailand**

Wilayah	Jumlah Muslim	%	Jumlah penduduk
Narathiwas	434,792	78.48	554,016
Patani	409,558	77.53	528,258
Yala	219,057	62.79	348,872
Songkhla	214,502	19.98	1,073,586
Setol	143,813	65.99	217,932
Krabi	99,341	34.22	290,300
Nakorn Sri Thammarat	69,469	4.92	1,411,966

Trang	62,001	12.10	512,402
Phang-nga	40,336	19.20	210,082
Pattalung	38,744	8.51	455,273
Phuket	30,180	18.55	162,694
Suratthani	14,513	2.00	725,643
Ranong	12,858	11.24	114,395
Chumporn	1,485	0.38	390,831
Jumlah semua	1,790,649	25.59	6,996,250

Sumber : the Religious Affair Department, Ministry of Home Affair, Bangkok dan Muslim Santichon Foundation,1991.

**Jadual 4. Jumlah Penduduk di Daerah Bachok pada tahun 2000**

Mukim	Lelaki	Perempuan	Jumlah semua
Bachok	6,102	5,989	12,091
Lubuk Sawa	3,111	3,319	6,430
Belukar Samak	5,824	5,925	11,749
Gajah Mati	3,140	2,896	6,036
Atas Beris	2,758	2,831	5,589
Beris	2,871	2,946	5,817

Sumber : Pejabat Daerah Bachok, 2000.

## Bahasa Melayu

Bahasa Melayu adalah satu bahasa yang berperanan dalam perhubungan diantara kerajaan - kerajaan lama di rantau ini. Peranan bahasa Melayu ini dijelaskan dalam sejarah Thailand seperti berikut :

*" Kerajaan Ayudhya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan untuk menghubungkan kerajaan - kerajaan lain di rantau ini. Terdapat bukti yang jelas bahawa walaupun menghubungi dengan Syarikat Beland di Batavia (Jakarta) Kerajaan Ayudhya juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Peralihan penggunaan bahasa ( dari bahasa melayu ) ke bahasa Cina bermula pada zaman Phra Chao Krung Thonburi ( Raja Thaksin ) dan seterusnya di awal Dinasti Chakri ( Bangkok ) pun menggunakan bahasa Cina. Cuma di zaman Moden barulah berubah penggunaan bahasa ke bahasa Inggeris "67 .*

Bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk keturunan Melayu di Selatan Thailand dibahagikan kepada 2 dialek iaitu:

Pertama, dialek Kedah yang dituturkan oleh penduduk keturunan Melayu di Wilayah Setul dan Daerah Sadao, Wilayah Songkhla. Wilayah Setul adalah sebahagian dari negeri Kedah di zaman dahulu. Daerah Sadao (kecuali Mukim Prik) juga adalah sebahagian dari negeri Kedah yang diserahkan kepada kerajaan Siam mengikut perjanjian Inggeris-Siam dalam tahun 1909.<sup>68</sup> Terdapat beberapa masyarakat keturunan Melayu yang berasal dari tawanan perang Kedah-Siam yang masih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian seperti di

---

<sup>67</sup> Chanwit Kasetsiri, "Kan Sang Wiraburut Khong Chat" dalam Majalah Culture and Art November 1999, Muka 93

<sup>68</sup> Pengistiharan pembentukan Daerah Sadao dan Tak Bai dalam Rachkitnubeksa Vol.26 bertarikh 22 Ogos 1910

Kampung Hua Tale, Kampung Klang Din, Kampung Sai Chareon dalam Daerah Thasala, Wilayah Nakorn Sri Thammarat.<sup>69</sup>

Kedua, dialek Patani. Dialek Melayu Patani tergolong dalam bahasa Melayu timur laut. Bahasa Melayu timur laut adalah salah satu cabang bahasa Melayu yang terdiri dari bahasa Melayu Patani, Kelantan dan Trengganu. Bahasa Melayu dialek Patani tidak berbeza dari bahasa Melayu dialek Kelantan. Dialek Patani dituturkan oleh keturunan Melayu di bekas negeri Patani lama iaitu wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat dan sebahagian dari Wilayah Songkhla. Bahasa Melayu dialek Patani ini dibahagikan kepada beberapa sub-dialek seperti berikut:

Sub-dialek Hilir iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk di hilir sungai ataupun bahasa Melayu yang dituturkan oleh penduduk di mulut kuala. Sub-dialek ini dituturkan di sekitar Daerah Muang atau Bandar Pattani dan daerah-daerah yang berhampiran dengannya.

Sub-dialek Ulu iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk di hulu sungai. Iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang dituturkan penduduk Melayu disekitar Daerah Jaha, Daerah Bendang Setar, Daerah Thanto Wilayah Yala. Sub-dialek ini juga dikenali dengan nama sub-dialek Jaha.

Muka 1107-1108, National Archives, Bangkok

<sup>69</sup> Pengkaji telah melawat kampung-kampung tersebut pada 21-22 Oktober 2000

Sub-dialek Barat iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk di Daerah Chanak, Daerah Thepa, Daerah Sabayoi Wilayah Songkhla dan sebahagian dari Daerah Kok Phoe Wilayah Pattani.

Sub-dialek Sungai Golok iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang hampir sama dengan dialek Kelantan. Kemungkinan kerana ia bersempadan dengan negeri Kelantan dan disebabkan sebahagian dari kawasan tersebut pernah menjadi sebahagian dari negeri Kelantan. Sub-dialek ini dituturkan oleh penduduk di sekitar Daerah Sungai Golok, Daerah Tak Bai, Daerah Waeng, Daerah Sungai Padi, Daerah Chok-Airong dan Daerah Muang atau Bandar Narathiwat.

Sub-dialek Sai atau Teluban. Iaitu bahasa Melayu dialek Patani yang dituturkan oleh penduduk daerah Sai dan daerah sekitarnya dalam Wilayah Pattani. Sub-dialek ini hampir sama dengan sub-dialek Hilir.

Terdapat beberapa sub-dialek lagi di dalam bahasa Melayu dialek Patani. Bagi penduduk Melayu di Kampung Duku khususnya dan Daerah Bachok lainnya, Walaupun kawasan ini pernah menjadi sebahagian dari bekas negeri Sai atau Saiburi, tetapi bahasa pertuturan penduduk di kawasan ini mempunyai sub-dialek tidak dapat digolongkan dalam sub-dialek Sai dan sub-dialek Sungai Golok. Kerana mereka mempunyai sub-dialek tersendiri yang dikenali dengan nama sub-dialek *Pek Boon* atau *bahasa Melayu loghat Pek Boon*.

## **Penduduk Melayu**

Penduduk Melayu di Selatan Thailand terdiri dari beberapa kelompok seperti berikut:

### **1. Penduduk Melayu tempatan**

Penduduk kelompok ini ialah penduduk keturunan Melayu yang telah mendiami Selatan Thailand dari turun-temurun. Kebanyakan penduduk kelompok ini mendiami Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian dari wilayah Songkhla. Terdapat juga penduduk kelompok ini tersebar ke kawasan-kawasan lain di Thailand.

### **2. Penduduk dari Semenanjung Tanah Melayu**

Penduduk kelompok ini adalah kelompok kedua terbesar dari semua kelompok penduduk Melayu di Selatan Thailand. Mereka bukan sahaja mendiami Wilayah Setul yang pernah menjadi tanah jajahan negeri Kedah dan beberapa kawasan di Wilayah Nakorn Sri Thammarat, tetapi mereka juga mendiami Daerah Sadao yang menjadi bekas tanah jajahan negeri Kedah. Mereka juga mendiami beberapa daerah dalam wilayah Narathiwat yang pernah menjadi bekas tanah jajahan negeri Kelantan yang disebut sebagai "*a small corner in the northeast of Kelantan*". Selain itu terdapat juga penghijrahan penduduk semenanjung ke Selatan Thailand seperti pembukaan Kampung Tujuh di Pinggir bandar Narathiwat oleh penduduk kampung Tujuh, Tumpat, Kelantan dan Pembukaan Kampung Jabi di pinggir bandar Narathiwat oleh penduduk kampung Jabi, Terengganu.

### **3. Penduduk dari Indonesia**

Penduduk keturunan Jawa dan keturunan lain-lain telah lama mendiami di Selatan Thailand khususnya Patani. Dalam Hikayat Patani ada menyebut tentang kedatangan penduduk keturunan Jawa. Kerana penduduk keturunan Jawa dan keturunan dari kepulauan Indonesia telah lama mendiami di Selatan Thailand menyebabkan mereka mengubahsuaikan diri dan berkahwin dengan penduduk tempat hingga menjadi sebahagian dari penduduk tempatan.<sup>70</sup> Di Daerah Saiburi Wilayah Pattani masih terdapat sebuah kampung yang dipanggil Kampung Pasir Jawa.<sup>71</sup>

4. Penduduk kacukan, iaitu penduduk Melayu tempatan berkahwin dengan penduduk pendatang dari Pakistan atau India. Walaupun mereka mempunyai darah Melayu tetapi sebahagian darinya masih kuat dengan semanagat kepakistanan atau keindiaannya.

Penduduk Melayu yang mendiami Kampung Duku kebanyakan terdiri dari kelompok Melayu tempatan. Perkahwinan mereka berlaku di antara penduduk Melayu dalam kawasan yang di diami oleh penduduk Melayu tempatan. Ada juga sebahagian kecil penduduk Melayu dari kawasan yang disebut "*a small corner in the northeast of Kelantan*" telah berkahwin dengan penduduk

<sup>70</sup> Pengkaji sendiri juga pernah di ceritakan oleh keluarga bahawa nenek moyang sebelah ibu selain berasal dari Trengganu juga terdapat Nenek moyang yang berasal dari Indonesia dari kepulauan Indonesia yang datang ke Selatan Thailand. Bagi Kampung kelahiran pengkaji iaitu Kampung Bukit, Tanjung Mas, Wilayah Narathiwah sebahagian penduduk Kampung tersebut adalah berasal dari negeri Kelantan.

<sup>71</sup> Temueual dengan Sdr. Ahmad Ibrahim yang berasal dari kampung berhampiran dengan Kampung Pasir Jawa pada 4 Oktober 2000 di Pekan Bachok.


Melayu Kampung Duku ini.<sup>72</sup> Begitu juga terdapat 2-3 keluarga kacukan Pakistan tetapi mereka lebih cenderung kepada sifat kemelayuan.

### **Pembukaan Kampung Duku Dan Raja Daerah**

Kawasan sekitar kampung Duku telah lama didiami penduduk Melayu. Tetapi sebelum itu nama kampung masih tiada lagi. Di kawasan Kampung Duku terletak sebuah pusat pentadbiran daerah itu di zaman raja-raja Melayu memerintah negeri Patani. Pusat pentadbiran itu masih mempunyai kesan seperti benteng kota yang diperbuat dari peredu - peredu buluh. Penduduk Kampung Duku memanggil kawasan itu dengan nama "*dalam Kota*". Penduduk sekitar *dalam kota* kebanyakan terdiri dari kelompok Tengku. Di pinggir kota terdapat sebuah perkuburan Islam dahulu dikenali dengan nama *Kubur Raja*. Mengikut

<sup>72</sup> Temubual dengan Sdr. Yunus Bin Wan Deraman, umur 87 tahun pada 12 Oktober 2000 di Kampong Duku. Beliau menyatakan bahawa keturunannya berasal dari Kelantan

Peta 6. Kawasan Kota Raja Daerah Bachok



Tengku Bongsu Binti Tengku Timun,<sup>73</sup> beliau telah menyatakan bahawa raja daerah pertama yang memerintah di kota tersebut ialah Tengku Budor iaitu kerabat Diraja negeri Sai atau Teluban. Jajahan taklukan Tengku Budor begitu luas jika berjalan kaki mengelilingi kawasan taklukannya memakan masa selama 3 hari. Makam Tengku Budor terletak di Perkuburan Besar kubang gelang kampung Belukar Perak, Mukim Belukar Samak, Daerah Bachok.<sup>74</sup>

Tengku Budor adalah seorang raja daerah yang berani. Mengikut cerita dari Juariah Binti Che Abdullah,<sup>75</sup> dia pernah mendengar datuk saudara ibunya, Mek Siti atau Mek Ti bercerita tentang keberanian Tengku Budor yang sangat handalan. Tengku Budor juga mempunyai 2 ekor gajah yang bernama *Panji Lendang* dan *Senak Anira*. Kawasan lubuk tempat bermandi gajah yang bernama Panji Lendang sekarang masih disebut sebagai Lubuk Panji. Pengganti Tengku Bodor ialah anaknya yang bernama Tengku Pek. Selepas itu kuasa raja Melayu telah tidak berfungsi lagi.

Di pinggir kota tersebut terletak sebuah kawasan kediaman hulubalang-hulubalang dan askar-askar raja tersebut. Kawasan itu dipanggil *Lubuk Tempayan*. Pada peringkat awal penduduk Lubuk Tempayanlah yang menerokai kawasan Belukar Tembusu yang kemudian dikenali dengan kawasan Duku

---

<sup>73</sup> Telah temubual dengan Sdr. Tengku Bongsu atau Aishah Binti Tengku Timun umur 83 tahun pada 11 November 2000 di kediamannya di dalam Kota. Beliau adalah cicit kepada Tengku Budor, Raja pertama yang memerintah di dalam kota tersebut

<sup>74</sup> Telah temubual dengan Tengku Hazami Binti Tengku Hussein umur 34 tahun pada 12 Oktober 2000 di Pejabat Pendidikan Luar Sekolah, daerah Bachok dan telah melawat perkuburan tersebut pada 10 November 2000

<sup>75</sup> Telah temubual dengan Juariah Binti Che' Abdullah umur 93 tahun pada 11 November 2000 di rumahnya di

Belukar.<sup>76</sup> Mohd. Salleh Bin Ghazali, umur 55 tahun berpendapat bahawa penduduk Kampung Duku berasal dari hulubalang-hulubalang raja tersebut. Pendapat ini disokong oleh Juariah Binti Che' Abdullah yang mengatakan bahawa di zaman dahulu keluarganya mempunyai alat-alat ketenteraan seperti keris, lembing dan lembing patong. Ustaz Awang Bin Yusuf<sup>77</sup> bersetuju dengan pendapat ini dan mengatakan keluarganya pernah memiliki keris seperti keris pembesar - pembesar Melayu. Tengku Ismail Bin Tengku Chik<sup>78</sup> menyatakan Chae Deng atau Tok Mudin, bapa mertua Haji Mohd. Dahan Bin Mohd. Salleh adalah orang awal-awal menerokai kawasan Duku Belukar. Beliau menerangkan lagi bahawa sesuatu komuniti di zaman dahulu terdiri dari 4 kelompok iaitu pertama Raja, kedua hulubalang dan askar raja, ketiga Ulama dan keempat rakyat umum .

Dengan permulaan dari penduduk di pinggir kota raja yang menerokai kawasan kampung Duku kemudian datanglah penduduk sekitar kawasan yang berhampiran dengannya sehingga melahirkan sebuah kampung yang pernah menjadi lambang pemerintahan raja-raja Melayu dan juga pernah menjadi pusat penyebaran agama. Sdr. Awang Bin Ismail,<sup>79</sup> Ketua Kampung atau Mu 5 mengatakan semasa ayahnya, Ismail Bin Mahmud menjadi Ketua Kampung atau Mu 2 yang sebahagian Kampung Duku termasuk dalam pentadbirannya, bahawa

Kampung Duku

<sup>76</sup> Telah temubual dengan Idris Bin Abdul Wahab umur 63 tahun pada 9 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku

<sup>77</sup> Telah temubual dengan Ustaz Awang Bin Yusuf umur 45 tahun pada 11 November 2000 di Sekolah Maahad Islahuddini , Kampung Duku

<sup>78</sup> Telah temubual dengan Tengku Ismail Bin Tengku Chik umur 81 tahun pada 24 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku

<sup>79</sup> Telah temubual dengan Sdr. Awang Bin Ismail umur 50 tahun pada 9 November 2000 di rumahnya di

sekitar tahun 1972-1973 Kampung Duku mempunyai penduduk semua lebihkurang 1,600 orang penduduk.

### **Nama Kampung Duku**

Nama - nama Kampung di sekitar daerah Bachok dan daerah yang berhampiran dengannya terdapat beberapa nama yang berasal dari nama pokok - pokok dan buah - buahan dan jenis tanaman seperti Kampung Kunyit, Kampung Pisang, Kampung Champaka, Kampung Pohon Jerai, Kampung Pohon Berangan, Kampung Pauh Bak dan dan sebagainya.<sup>80</sup>

Kampung Duku adalah kampung yang termasuk di dalam golongan kampung-kampung yang dinamakan berdasarkan nama buah - buahan. Mengikut cerita dari penduduk Kampung Duku, di kawasan kampung tersebut banyak terdapat pokok - pokok duku. Hajjah Hamidah Binti Haji Mohd. Serujiddin<sup>81</sup> telah menceritakan bahawa semasa beliau melawat kampung ini pertama kali iaitu 43 tahun lalu masih dapat melihat pokok-pokok duku yang besar dan berjajaran sekitar kawasan Kampung Duku. Mohd. Sallehuddin Bin Mohd. Saman dan Haji Shihabuddin Bin Abdul Rahman, bekas Imam Masjid At-Tahiriyah pernah memberitahunya semasa itu bahawa Kampung Duku dinamakan berdasarkan terdapat banyak pokok-pokok Duku di Kampung itu .

Kampung Pauh Bak

<sup>80</sup> Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan, Kampung Teluk Manak : Kampong Warisan Ulama, Jabatan Melayu, Prince of Songkhla University, Pattani, 1997, Muka.2

Walaupun sekarang pokok-pokok duku cuma terdapat sedikit sahaja jika dibandingkan dengan zaman dahulu, tetapi nama kampung masih kekal dengan nama Kampung Duku sehingga sekarang.

### **Kampung Duku sebagai Pusat Penyebaran Agama**

Di Kampung Duku selain dari kelompok keturunan raja yang terdapat di sekitar Dalam Kota, satu kelompok lagi yang berperanan dalam masyarakat kampung ini ialah kelompok ulama. Keturunan dari kelompok inilah yang menjadi sebahagian besar dari pemimpin-pemimpin masyarakat Kampung Duku.

Kelompok keturunan ulama di Kampung Duku sebenarnya bukan berasal dari kelompok penduduk tempatan,<sup>82</sup> tetapi mereka berkahwin dengan penduduk tempatan sehingga keturunan mereka menjadi sebahagian dari penduduk tempatan. Kelompok keturunan ulama bermula dari kedatangan Haji Mohd. Dahan Bin Mohd. Salleh<sup>83</sup> ke Kampung Duku. Ulama ini berasal dari Kampung Teluk Manak yang terletak dalam Mukim Lubuk Sawa Daerah Bachok yang terkenal dengan masjid kayu yang tertua di Thailand. Masjid Wadii Hussein atau Masjid Teluk Manak yang berumur lebih dari 200 tahun itu diasaskan oleh Wan atau Syed Hussein As-Sanawi Al-Idrus. Beliau adalah salah seorang dari ulama Patani yang melarikan diri dari peperangan Patani - Siam. Kampung asal Wan @

<sup>81</sup>Hajjah Hamidah Binti Haji Mohd. Serujiddin umur 60 tahun adalah Ibu Pengkaji sendiri. Beliau pernah belajar di Pondok Kampung Duku sebelum berkahwin, beliau sering melawat kampung tersebut.

<sup>82</sup>Telah temubual dengan Hajjah Maimunah Binti Haji Mohd. Tahir umur 73 tahun pada 7 November 2000 di rumahnya iaitu rumah Tok Duku di Kampung Duku.

Syed Hussein ialah Kampung Senajanjar di Daerah Jarang atau Binjar Lima Wilayah Patani. Mengikut ( Almarhum ) Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir, usul-asal keturunan Wan @ Syed Hussein As-Sanawi adalah berasal dari Arab Hadrami.<sup>84</sup> Hal ini terbukti dengan sebuah syair yang dibacakan sejak turun-temurun oleh keturunannya. Syair tersebut dinamakan "*Syair Aidarusi*". Berdasarkan syair itu bolehlah dikatakan bahawa Wan @ Syed Hussein As-Sanawi berasal dari kaum Syed Al-Idrus .

Wan @ Syed Hussein dan Wan Kulsom, isterinya serta kerabat keluarganya telah membuka Kampung Teluk Manak. Beliau adalah datuk saudara kepada Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani salah seorang pengarang dan ulama agong di rantau Asia Tenggara di zaman dahulu. Kampung Teluk Manak inilah yang menjadi pusat penyebaran agama Islam ke kawasan sekitar dengannya. Peranan keturunan Wan @ Syed Hussein As-Sanawi dalam bidang keagamaan tidak boleh dinafikan, sebahagian besar dari tokoh-tokoh agama tempatan di Daerah Bachok dan daerah sekitarnya berasal dari keturunan tersebut. Keturunan ini bukan sahaja bertaburan di Selatan Thailand malah terdapat di Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan di Timur Tengah seperti di Jordan dan Arab Saudi .

Mengikut Tengku Bongsu Bin Tengku Timun, Haji Mohd. Dahan Bin Mohd. Salleh dijemput oleh kelompok keturunan raja untuk mengajar dan mengembangkan agama di kalangan penduduk kampung Duku yang dianggap terlalu jahil semasa itu. Kedatangan Haji Mohd. Dahan berada di bawah naungan

---

<sup>84</sup> Mohd. Salleh adalah cucu kepada Wan @ Syed Hussein Pengasas Masjid Teluk Manak

kelompok keturunan raja. Tanah kediaman Haji Mohd. Dahan dan sekitarnya yang kemudian menjadi hak milik keturunannya adalah tanah yang dikurniakan oleh Tengku Pek Bin Tengku Budor, Raja Daerah semasa itu. Kelompok keturunan ulama dan kelompok keturunan raja saling bantu membantu di antara mereka semenjak di zaman permulaan kedatangan Haji Mohd. Dahan sehingga sekarang. Kedua-dua kelompok masing-masing mengakui di antaranya sebagai kerabat keluarga. Ini terbukti ahli kelompok keturunan raja biasanya mendapat penghormatan dari kelompok keturunan ulama.

Setelah Haji Mohd. Dahan Bin Mohd. Sallih mendiami kawasan Duku Belukar, beliau mengajar agama kepada penduduk Kampung Duku dengan membina sebuah surau tidak jauh dari tapak Masjid At-Tahiriyah sekarang. Kemudian anaknya, Haji Mohd. Tahir telah dihantar belajar ke Makkah. Sekembalinya dari Makkah, pusat pengajaran agama iaitu surau tersebut telah dipindahkan dari tapak asal ke kawasan tapak Masjid At-tahiriyah sekarang.<sup>8</sup> Di tapak kawasan itulah Haji Mohd. Tahir dan penduduk Kampung Duku telah membina sebuah masjid seterusnya tempat bersembahyang juma'at pun turut dipindahkan ke surau yang baru dibina itu.<sup>86</sup>

Di zaman Haji Mohd. Tahirlah Kampung Duku muncul sebagai sebuah kampung yang terkenal di bidang keagamaan. Pondok yang diasaskan oleh Haji

<sup>84</sup> Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan (1997), *op.cit.* Muka 3

<sup>85</sup> Telah temubual dengan Hajah Maimunah Binti Haji Mohd. Tahir umur 73 tahun dan Zuhra Binti Haji Andul Hamid umur 35 tahun pada 6 November 2000 di rumahnya di Kampung Duku.

<sup>86</sup> Telah temubual dengan Sdr. Yusuf Bin Hussein umur 83 tahun pada 14 November 2000 di rumahnya di

Mohd. Dahan semakin pesat di zaman Haji Mohd. Tahir mengembangkan ajaran agama. Kealimannya tersohor bukan sahaja di sekitar Daerah Bachok dan daerah yang berhampiran dengannya, tetapi sehingga ke negeri Kelantan dengan beberapa pelajar dari negeri tersebut yang datang belajar di pondok itu. Haji Mohd. Tahir lebih dikenali oleh penduduk tempatan dengan nama *Tok Duku* sempena nama Kampung Duku tempat beliau tinggal.

Pada tahun 1930-an dan 1940-an Haji Mohd. Tahir mempunyai nama yang kemuncak. Penduduk datang meziarahnya dari setiap penjuru sehingga menjadi syak wasangka oleh pihak kerajaan Thailand, lalu pihak kerajaan menjemputnya ke pejabat kerajaan untuk disoal siasat. Puan Aminah Binti Ghazali umur 59 tahun menceritakan semasa itu dia baru berumur sekitar 7-8 tahun, Haji Mohd. Tahir tanpa baju diusong dengan menggunakan tempat penyediaan isterinya bersalin yang dibuat dari buluh. Sementara Juariah Binti Che' Abdullah mengatakan, dia tidak sempat melihat peristiwa itu kerana dia sedang menuai padi di bendang. Semasa Haji Mohd. Tahir berada di rumah Pegawai Daerah Bachok itu, beliau telah meninggal dunia secara misteri pada tahun 1948 semasa berumur 78 tahun. Kematianya disebarkan luas sehingga menggemparkan situasi politik semasa itu. Kematian itu menyebabkan seorang ahli Parlimen Wilayah Narathiwat, Haji Abdul Samad @ Sommat Iamwirot telah menghantar surat meminta penjelasan sebab kematian beliau daripada Perdana Menteri dalam parlimen.<sup>87</sup>

Kampung Charak , Pekan Bachok

<sup>87</sup> Nik Abdul Rakib Bin Haji Nik Hassan , " Tok Duku : Kematianya yang misteri " dalam majalah Al-Islamiyah , College of Islamic Studies , Prince of Songkhla University , Pattani , Vol. I tahun 8 , 1998 Muka 6-7

Setelah itu muncul beberapa tokoh - tokoh agama dari kelompok keturunan ulama seperti Almarhum Haji Abdul Hamid Bin Haji Abdul Kadir, menantu Haji Mohd. Tahir yang juga berasal dari Kampung Teluk Manak. Beliau adalah generasi ke 5 dari keturunan Wan @ Syed Hussein As-Sanawi. Haji Abdul Hamid atau lebih dikenali dengan nama *Pak Uda Duku* ialah seorang tokoh agama yang sangat alim dalam bidang ilmu falak dan ilmu salasilah (Genealogy). Fikirannya boleh dianggap sebagai seorang yang progresif jika dibandingkan dengan beberapa tokoh-tokoh agama tradisional lain di zaman 1980 - an dan 1990-an. Beliau bukan sahaja mengajar secara tradisional tetapi seorang yang rajin mengarang. Sehingga sekarang terdapat 7 buah karya karangannya.<sup>88</sup>

Selain dari Haji Abdul Hamid terdapat tokoh-tokoh agama di Kampung Duku seperti AlMarhum Haji Mohd. Zabidi Bin Haji Ahmad iaitu cucu kepada Haji Mohd. Tahir. Beliau berperanan penting dalam hal ehwal agama Islam dengan menjawat Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Seorang cucu kepada Haji Mohd. Dahan iaitu Almarhum Haji Shihabuddin Bin Abdul Rahman juga berperanan dengan menjadi Imam Masjid At-Tahiriyah dan mudir kepada Pondok Duku semasa berlaku perubahan sistem pendidikan pondok mengikut arus dasar kerajaan Thailand yang menjadikan sekolah menengah agama berkurikulum pendidikan kerajaan. Seorang anak Haji Mohd. Tahir iaitu Haji Abdul Rashid telah menubuhkan sebuah pondok pengajian agama di Kampung Pohon Berangan iaitu kampung yang terletak di pinggir Kampung Duku dan

<sup>88</sup> Pengkaji telah melihat dan membaca beberapa buah karya tersebut pada 15 November 2000 di rumah Hajjah

Pekan Bachok. Kampung tersebut terletak dalam pentadbiran Kampung atau Mu 3 dalam Mukim Bachok. Seorang lagi anak Haji Mohd. Tahir yang bernama Haji Hamzah bersama Haji Abdul Kadir Haji Tayyeb dan Haji Ahmad Idris telah menubuhkan sebuah pondok tradisional di kampung Duku untuk menyambungkan perjuangan ayahnya itu pada awal tahun 1990-an. Tetapi pondok tradisional tersebut yang dinamakan "*Madrasah Nurul Huda At-Tahiriyah*" hanya bertahan selama 6 tahun dan setelah kematian Haji Hamzah pondok itu diteruskan oleh Haji Abdul Kadir selama hampir setahun.

### **Geografi Kampung Duku**

Daerah Bachok adalah sebuah daerah yang majoriti penduduknya adalah penduduk keturunan Melayu.<sup>89</sup> Daerah Bachok terletak di sebelah utara bersempadan dengan Daerah Saiburi, Wilayah Pattani. Di sebelah selatan bersempadan dengan Daerah Jeringa, Wilayah Narathiwas. Di sebelah timur bersempadan dengan Daerah Maikaen, Wilayah Pattani dan Daerah Muang, Wilayah Narathiwas. Di sebelah barat bersempadan dengan tiga daerah iaitu Daerah Ruso Wilayah Narathiwas, Daerah Raman Wilayah Yala dan Daerah Kapo @ Kelubi Wilayah Pattani. Di sebelah barat terdapat sebuah bukit yang dinamakan Bukit Budor sempena nama Tengku Budor salah seorang raja daerah di kawasan itu.

Bagi Kampung Duku yang terletak di sebelah timur di pinggir Pekan Bachok itu yang bersempadan iaitu di sebelah barat dengan Pekan Bachok, di

Maimunah Binti Haji Mohd. Tahir di Kampung Duku.

sebelah timur bersempadan dengan Kampung Beris, Mukim Beris @ Berek Tai, di sebelah selatan bersempadan dengan Kampung Pauh Bak, Mukim Bachok dan di sebelah utara bersempadan dengan Kampung Sopo, Mukim Gajah Mati dan Kampung Tersik, Mukim Beris @ Berek Tai .

### **Musim**

Kampung Duku khasnya dan Daerah Bachok amnya mempunyai 2 musim iaitu musim panas dan musim hujan. Musim panas bermula dari bulan Mac hingga bulan Jun. Manakala musim hujan bermula dari bulan Julai hingga bulan Februari. Bulan yang mempunyai hujan lebat atau banjir biasanya adalah bulan November dan Disember.<sup>90</sup>

### **Suhu**

Kampung Duku khasnya dan Daerah Bachok amnya mempunyai suhu yang sederhana iaitu 35.9 C<sup>91</sup>

### **Ekonomi Kampung Duku**

Asas ekonomi Kampung Duku ialah pertanian. Dari kawasan Kampung Duku yang mempunyai keluasan lebih dari 2,000 ekar itu sebanyak lebih dari 1,200 ekar adalah kawasan pertanian. Lebih separuh dari kawasan pertanian itu adalah kawasan bendang padi. Bakinya adalah kawasan penanaman seperti kebun dukong, kebun rambutan, kebun durian, kebun getah dan kebun buah-buahan yang

<sup>90</sup> Amphoe Bachok . Ban Yai sarup Amphoe Bachok .2000 Muka 2

<sup>91</sup> Ibid. Muka 3

<sup>91</sup> Ibid.

lain termasuk tanah penanaman sayur-sayuran.<sup>92</sup> Binatang ternakan adalah salah satu sumber ekonomi penduduk Kampung Duku termasuk pemeliharaan lembu, kerbau, ayam, itik dan sebagainya.

### **Pekerjaan penduduk Kampung Duku**

Pertanian adalah asas ekonomi penduduk Kampung Duku. Oleh itu pekerjaan umum bagi penduduk kampung ini ialah Petani. Mereka bertani padi dengan mulai penyediaan semailan pokok-pokok padi. Sistem penanaman padi di Kampung Duku masih mengamalkan cara tradisional jika dibandingkan dengan kampung-kampung Melayu di Semenanjung. Mereka mulai menurun ke bendang dalam musim hujan. Bagi yang tiada tanah bendang sendiri, biasanya mereka berpawah dengan orang yang mempunyai tanah bendang.

Pekerjaan utama kedua ialah menoreh getah. Setelah masuk musim panas mereka akan memulakan pekerjaan dengan menoreh getah. Walaupun dalam kawasan Kampung Duku cuma terdapat sedikit sahaja kebun-kebun getah, tetapi kebanyakan penduduk Kampung Duku mempunyai kebun getah di pinggir Bukit Budor. Selepas waktu subuh mereka akan pergi menoreh di kebun-kebun getah mereka yang terletak di kaki bukit tersebut iaitu lebih kurang 3 kilometer dari Kampung Duku. Bagi mereka yang tidak mempunyai kebun getah mereka juga menoreh dengan cara berpawah. Penduduk Kampung Duku kebanyakan mempunyai lebih dari 1 pekerjaan selain dari pekerjaan utama. Mereka masih

<sup>92</sup> Sumber dari Pejabat Pembangunan Masyarakat Daerah Bachok tahun 2000 dan Buku soal-selidik kampung-kampung, Amphoe Bachok tahun 1996

mempunyai pekerjaan sampingan seperti memelihara binatang ternakan seperti lembu, kerbau, ayam, itik dan sebagainya.

Berniaga juga adalah salah satu dari pekerjaan penduduk Kampung Duku. Pemiagaan mereka dibahagikan kepada 3 jenis iaitu pertama mereka membuka kedai runcit, kedai kopi, kedai makanan dan sebagainya. Kedua Mereka membawa barangan-barangan dari luar kampung untuk dijual dalam kampung dan Ketiga mereka membawa hasil penanaman dalam kampung dan adakala membuat kuih-muih untuk dijual mengikut pasar harian di dalam Daerah Bachok dan daerah sekitarnya.

Pekerjaan pemburuan adalah juga salah satu pekerjaan penduduk Kampung Duku. Dalam Kampung Duku terdapat sedikit keperluan terhadap tenaga mereka. Walaupun begitu mereka akan merantau keluar dari kampung untuk mencari kerja di tempat lain. Pekerjaan mereka ialah sebagai buruh binaan separuh mahir dan buruh am. Terdapat 2-3 orang buruh mahir dalam bidang perabot yang bekerja di Kuala Lumpur dan ada juga yang membuka gerai makanan di Kuala Lumpur dan Kelantan.

Bagi kaum wanita sesetengah dari mereka menjahit pakaian, kain hijab, kain telekong dan sebagainya. Mereka mendapat upahan dari pemodal di Bandar Narathiwah dan kain-kain tersebut akan dieksport ke Malaysia dengan melabelkan perkataan "*Made in Malaysia*". Terdapat sekelompok wanita yang bergabung di bawah Projek Diraja Thailand untuk menghasil kraftangan mengikut

yang dikehendaki oleh pihak penyelia projek tersebut. Kraftangan tersebut dibeli oleh pihak Projek Diraja untuk dipasarkannya ke luar negeri.

Terdapat sebilangan kecil penduduk Kampung Duku yang bertugas dengan jabatan - jabatan kerajaan Thailand seperti guru-guru di sekolah rendah kerajaan, polis dan kakitangan am kerajaan.<sup>93</sup> Setengah daripada pemuda-pemuda Kampung Duku adalah penganggur. Taraf penghidupan penduduk Kampung Duku kebanyakan berada di tahap pendapatan rendah. Ini adalah selaras dengan pendapatan umum bagi penduduk muslim yang telah dikaji pada tahun 1989. Kajian tersebut adalah seperti berikut:<sup>94</sup>

**Jadual 5. Pendapatan Penduduk Muslim Thailand pada 1989**

Pendapatan	Selatan	%
Atasan	179,066	10
Tengahan	268,897	15
Bawahan	1,342,986	75

<sup>93</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdul Rahim Bin Abdullah umur 36 tahun salah seorang guru di sebuah sekolah rendah kerajaan pada 15 November 2000 di Kampung Duku

<sup>94</sup> Sumber dari Muslim santichon , Khrai pen Khrai nai Sangkhom Muslim .( Bangkok : Santichon ,1991 )

Ini adalah selaras dengan pendapatan purata penduduk dalam Daerah Bachok yang agaknya terendah iaitu 18,000 Baht pertahun.<sup>95</sup>

### **Kampung Duku dan kawasannya**

Kampung Duku adalah sebuah kampung yang terbesar jika dibandingkan dengan kampung-kampung sekitar Daerah Bachok. Walaupun kampung tersebut dikenali dengan nama Kampung Duku oleh orang dari luar kampung, tetapi di kalangan penduduk Kampung Duku sendiri mereka memanggil kawasan kediaman mereka dengan nama yang berbeza-beza. Terdapat beberapa nama panggilan kawasan dalam Kampung Duku seperti:

### **Duku Belukar**

Kawasan Duku Belukar adalah kawasan yang terbesar sekali dalam Kampung Duku. Kawasan ini asalnya adalah kawasan belukar tembusu, kemudian dimajukan oleh penduduk yang mendiami kawasan tersebut sehingga seperti sekarang. Masjid At-Tahiriyah dan sekolah agama yang bernama Maahad Islahuddini juga terletak dalam kawasan duku belukar. Di kawasan sekitar masjid dan sekolah agama tersebut dikenali oleh penduduk tempatan sebagai Duku Masjid atau Duku Pondok. Sempena terletaknya masjid dan pondok atau sekolah agama tersebut. Sebahagian dari kawasan duku belukar telah diambil oleh pihak kerajaan dan membina sebuah tandop. Oleh itu kawasan duku belukar sekitar tandop tersebut dikenali oleh penduduk tempatan sebagai duku tandop.

<sup>95</sup> Amphoe Bachok, Ban Yai sarup Amphoe Bachok, 2000

### **Duku Pandan**

Kawasan Duku Pandan adalah salah satu kawasan kecil dalam Kampung Duku. Mengikut ceritanya bahawa kawasan ini mempunyai pokok-pokok pandan. Di zaman dahulu jika penduduk Kampung Duku ingin mengambil pandan, di kawasan itulah menjadi tempat sasaran penduduk sehingga kawasan tersebut dikenali dengan nama Duku Pandan.

### **Duku Khelek**

Kawasan Duku Khelek tidak jauh dari kawasan dimana terletak masjid dan pondok pengajian agama itu. Kawasan ini dikatakan mempunyai banyak pokok-pokok Khelek ( Cassia Siamea ). Berdasarkan kawasan tersebut terdapat banyak pokok-pokok khelek lalu dipanggil kawasan itu sebagai Duku Khelek .

### **Duku Pak Lek**

Kawasan Duku Pak Lek adalah kawasan yang dikatakan mengambil nama sempena nama seorang yang bernama Pak 'Lek. Kemungkinan nama penuhnya adalah Malik. Penduduk kawasan itu tidak dapat menjelaskan usul - asal nama kawasan itu dengan mendalam. Walaupun begitu kawasan tersebut dikenali dengan nama Duku Pak Lek .

### **Duku surau**

Kawasan Duku Surau adalah salah satu kawasan yang menarik dalam Kampung Duku. Pada peringkat awal, kawasan ini mempunyai sebuah surau sebagai tempat belajar agama dan tempat beribadat. Mengikut Ustaz Awang Bin

Yusuf<sup>96</sup> ialah seorang ustaz di Sekolah Maahad Islahuddini, beliau pernah mendengar cerita tentang kawasan Duku Surau dari Almarhum Haji Mohd. Zabidi Bin Haji Ahmad bahawa surau di kawasan Duku Surau adalah tempat bersembahyang juma'at sebelum tempat berjuma'at itu dipindahkan ke masjid yang terletak dalam kawasan Duku Belukar. Ustaz, Awang menjelaskan lagi bahawa beliau pernah melihat sekeping surat perkahwinan tulisan tangan yang diimamkan oleh Sdr. Tayyeb, seorang Imam di surau tersebut. Peranan kawasan Duku Surau merosot setelah perpindahan tempat berjuma'at. Kemudian terdapat seorang tokoh agama di sekitar kawasan Duku Surau iaitu Haji Salleh Bin Hitam yang berperanan dalam pengajaran agama di kawasan tersebut. Sdr. Yusuf Bin Hussein<sup>97</sup> menyatakan bahawa beberapa lama kemudian surau tersebut diroboh dan ada sesetengah kayu dari surau tersebut telah diambil untuk mendirikan sebuah Wakaf yang dikenali dengan nama *Wakaf Ayah* yang terletak di persimpangan tiga di Kampung Duku. Sekarang penduduk di kawasan Duku Surau dan kawasan yang berhampiran dengannya telah membina sebuah masjid untuk menggantikan surau itu. Penduduk di kawasan tersebut tidak lagi berjuma'at di Masjid At-Tahiriyah di kawasan Duku Belukar. Sebaliknya mereka berjuma'at di masjid dalam kawasan Duku Surau. Masjid tersebut telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam Narathiwas pada tahun 1997. Walaupun begitu kawasan tersebut masih kekal dengan nama Duku Surau. Dalam kawasan Duku Surau masih terdapat satu kawasan yang dikenali dengan nama "*kawasan Kaki tidur*".

<sup>96</sup> Telah temubual dengan Ustaz Awang Bin Yusuf umur 45 tahun pada 9 November 2000 di rumahnya di kawasan Duku Surau dalam Kampung Duku

<sup>97</sup> Telah temubual dengan Sdr. Yusuf Bin Hussein umur 83 tahun pada 14 November 2000 di rumahnya di

### **Duku Pauh Tok Ga**

Kawasan Duku ini dikenali dengan nama Pauh Tok Ga, kerana di kawasan tersebut mempunyai pokok Pauh. Pokok pauh tersebut dimiliki oleh seorang yang bernama Tok Ga. Lalu kawasan tersebut dikenali dengan nama Duku Pauh Tok Ga. Di kawasan tersebut terdapat sebuah tempat permainan Mak Yong di zaman 1920-an dan 1930-an yang dikenali dengan nama kawasan "*barong*".

### **Duku Pusu tiga**

Kawasan Duku Pusu tiga adalah kawasan yang terdapat 3 buah pusu. Jika penduduk Kampung Duku ingin menuju ke kawasan itu mereka akan menyebut kawasan itu dengan nama pusu tiga. Sehingga sekarang kawasan tersebut dikenali dengan nama Duku Pusu tiga.

### **Duku Dusun**

Kawasan Duku Dusun adalah kawasan yang pernah menjadi dusun-dusun bagi penduduk Kampung Duku. Maka penduduk memberi nama kawasan tersebut sebagai Duku Dusun. Di kawasan inilah terletak sebuah sekolah rendah kerajaan yang dinamakan "*Rongrian Ban Duku*" atau "*Sekolah Rendah Kampung Duku*". Tetapi sekolah tersebut dikenali oleh penduduk Kampung Duku dengan nama "*Sekolah Duku Dusun*" atau "*Sekolah Dusun*" supaya mengelak kekeliruan

dari Sekolah Maahad Al-Islahuddini yang sering disebut sebagai "*Sekolah Duku*" ataupun "*Pondok Duku*".

### **Imam Masjid dan Pentadbirannya**

Kampung Duku adalah sebuah kampung yang luas dan sistem pentadbiran dalam bidang keagamaan berbeza dari pentadbiran pemerintahan kerajaan Thailand. Walaupun kedua-dua pihak iaitu pentadbiran keagamaan dan pentadbiran pemerintahan mempunyai pemimpin - pemimpin yang berlanianan, tetapi pemimpin - pemimpin tersebut datang dari Kelompok keturunan ulama.

Masjid Kampung Duku dinamakan Masjid At-Tahiriyah sempena nama seorang ulama kampung tersebut yang bernama Haji Mohd. Tahir Bin Haji Mohd. Dahan atau dikenali dengan nama tersohornya sebagai "*Tok Duku*". Haji Mohd. Tahirlah orang yang menjadi Imam masjid tersebut selepas ayahnya, Haji Mohd. Dahan. Imam sekarang ialah Haji Mokhtar Bin Haji Shihabuddin @ Lamatha. Beliau adalah seorang lulusan dari IAIN Sunankalijaga, Yogyakarta, Indonesia. Selain menjadi Imam masjid tersebut beliau menjawat 2 jawatan lagi iaitu mudjr Sekolah Maahad Al-Islahuddini yang terletak dalam kawasan masjid itu dan ahli jawatankuasa Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat.

Mengikut struktur pentadbiran masjid, selain Imam ada Khatib dan juga Bilal masjid tersebut. Terdapat beberapa Imam di balaisah-balaisah yang bertaburan di Kampung Duku iaitu di kawasan Duk Khelek, Duku Tandop, Duku Pak Lek, Duku Dusun, Duku Surau dan sebagainya turut dilantik menjadi

ahli jawatankuasa Masjid At-Tahiriyah. Balasah-balaisah tersebut bukan sahaja memainkan peranan dalam kegiatan keagamaan, tetapi juga sebagai tempat mendidik dan mengajar agama kepada anak-anak mereka di hari Sabtu dan Ahad iaitu hari cuti persekolahan di sekolah rendah kerajaan. Balaisah-balaisah yang terdapat dalam Kampung Duku adalah seperti berikut:<sup>98</sup>

#### 1. Balaisah Khelek

Balaisah ini selain menjadi tempat beribadat, ia juga menjadi TADIKA atau tempat asuhan anak-anak penduduk di sekitar kawasan itu. Balaisah ini dinamakan TADIKA Bunga Bangsa.

#### 2. Balaisah Yahya

Balaisah ini diasaskan oleh seorang yang bernama Yahya. Penduduk kampung memanggil balaisah ini dengan nama Balaisah Chae Yo. Balaisah ini terletak dalam kawasan Duku Tandop. Sebelum ini balaisah tersebut juga menjalankan kegiatan dalam mendidik dan mengajar anak-anak penduduk kampung di sekitar kawasan itu. Tetapi sekarang ia tidak lagi berfungsi dalam mendidik dan mengajar, hanya menjadi tempat beribadat sahaja.

<sup>98</sup> Telah temubual dengan Sdr. Haji Mokhtar Bin Haji Shihabuddin umur 58 tahun Imam Masjid At-Tahiriyah pada

### 3. Balaisah Duku Banggol

Balaisah ini terletak tidak jauh dari kawasan Masjid At-Tahiriyah. Balaisah ini juga mempunyai kegiatan dalam mendidik dan mengajar agama kepada anak-anak penduduk Kampung Duku. Untuk membezakan dari nama TADIKA-TADIKA yang lain, TADIKA di balaisah ini dinamakan dengan nama TADIKA Duku Banggol.

### 4. Balaisah Sulaiman

Balaisah ini diasaskan oleh Sdr. Sulaiman lalu balaisah ini dikenali dengan nama Balaisah Sulaiman. Di balaisah ini tiada kegiatan dalam mendidik dan mengajar agama kepada anak – anak penduduk. Setakat ini hanya menjadi tempat beribadat sahaja.

### 5. Balaisah Mohd. Hussein

Balaisah ini terletak dalam kawasan Duku Pak Lek, kerana balaisah ini diasaskan oleh Sdr. Haji Mohd. Hussein Said<sup>99</sup> lalu penduduk kampung memanggil balaisah ini dengan nama Balaisah Mat Sin. Balaisah ini selain menjadi tempat beribadat ia juga menjadi tempat mendidik dan mengajar agama kepada anak-anak penduduk di sekitar kawasan itu.

<sup>99</sup> 17 September 2000 di rumahnya yang terletak berhampiran Masjid

<sup>99</sup> Telah temubual dengan Sdr. Haji Mohd. Hussein Said umur 62 tahun pada 17 September 2000 di rumahnya di kawasan Duku Pak Lek. Beliau adalah salah seorang ahli jawatankuasa yang memainkan peranan penting dalam

#### 6. Balaisah Haji Awang Senik

Balaisah ini diasaskan oleh Haji Awang Senik. Balaisah ini terletak di pinggir kampung berhampiran dengan pekan Bachok. Selain menjadi tempat beribadat, balaisah ini juga menjadi tempat mengajar Al-Quran di waktu malam untuk anak-anak penduduk kawasan itu dan juga penduduk Melayu di pekan Bachok atau Pekan Pek boon. Imam Balaisah ini diganti oleh Haji Mustafa setelah Haji Awang Senik meninggal. Setelah Haji Mustafa meninggal, sambutan terhadap balaisah ini semakin merosot.

#### 7. Balaisah Pohon Keranji

Balaisah ini terletak di dalam kawasan yang dikenali oleh penduduk kampung dengan nama kawasan Pohon Keranji. Di kawasan itu terdapat pokok keranji. Balaisah ini hanya menjadi tempat beribadat sahaja dan sekarang bangunannya ditukarkan dari kayu menjadi konkrit .

#### 8. Balaisah Abdul Rahman

Balaisah ini diasaskan oleh Abdul Rahman iaitu abang ipar kepada Haji Mokhtar, Imam Masjid At-Tahiriyah. Balaisah ini sekarang telah diubahsuai menjadi sebuah bangunan masjid. Walaupun begitu masjid ini cuma untuk beribadat sembahyang jema'ah sahaja. Penduduk kawasan itu masih bersembahyang juma'at di Masjid At-Tahiriyah.

## 9. Balaisah Duku Surau

Kawasan Duku Surau pernah menjadi tempat bersembahyang juma'at bagi penduduk Kampung Duku. Di kawasan ini terdapat beberapa tokoh agama dalam Kampung Duku seperti Haji Tayyeb dan Haji Salleh. Sekarang Balaisah ini digantikan dengan sebuah bangunan masjid. Masjid ini telah didaftarkan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwass dan seterusnya telah menjadi tempat bersembahyang juma'at bagi penduduk di sekitar kawasan itu. Sekarang pentadbiran agama di kawasan ini telah diasingkan dari pentadbiran Masjid At-Tahiriyah beberapa tahun yang lalu. Di masjid ini juga menjadi tempat mendidik dan mengajar agama untuk anak-anak penduduk kampung di sekitar kawasan itu. Imam pertama Masjid ini ialah Sdr. Ramli Wan Chik.<sup>100</sup> Beliau meletakkan jawatan setelah berlaku pertelingkahan di antaranya dengan pihak pemimpin pentadbiran pemerintahan di kawasan tersebut.

## 10. Balaisah Duku Dusun

Balaisah ini dahulu berada di bawah pentadbiran Masjid At-Tahiriyah. Kemudian apabila masjid di kawasan Duku Surau didaftarkan dengan pihak berkuasa agama Islam dalam Wilayah Narathiwass, pentadbirannya diasingkan dari pentadbiran Masjid At-Tahiriyah. Balaisah ini juga turut berpindah penaung dari Masjid At-Tahiriyah kepada Masjid Duku Surau.

<sup>100</sup> Telah temubual dengan sdr. Ramli Wan Chik umur 42 tahun pada 7 November 2000 di rumahnya sekarang yang terletak di pinggir Kampung Duku berhampiran pekan Bachok.

TADIKA-TADIKA Islam yang terletak dalam Kampung Duku telah bergabung dalam Persatuan Tadika-Tadika Daerah Bachok. Persatuan tersebut adalah satu dari 20 persatuan yang bergabung menjadi persatuan di peringkat wilayah Narathiwat yang dikenali dengan nama "*Pusaka*". Persatuan di peringkat wilayah ini sekali lagi bergabung menjadi persatuan di peringkat wilayah-wilayah Selatan Thailand yang dikenali dengan nama "*Perkasa*". Selain dari persatuan *Pusaka* dan *Perkasa* masih terdapat persatuan-persatuan seperti "*Pustaka*" yang mewakili Wilayah Patani, "*Pertiwi*" yang mewakili Wilayah Yala, "*Putra*" yang mewakili Wilayah Senggora dan "*Pentas*" yang mewakili Wilayah Setul.

#### **Adat Resam Penduduk Kampung Duku**

Penduduk keturunan Melayu mengamalkan kepada 2 adat iaitu Adat Pertateh dan Adat Istiadat. Bagi penduduk Melayu di Selatan Thailand amnya dan Kampung Duku khususnya adalah penduduk Melayu yang mengamalkan Adat Istiadat seperti juga penduduk Melayu di negeri Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis yang mempunyai sempadan dengan wilayah-wilayah Melayu di Selatan Thailand.

#### **Penduduk Kampung Duku**

Di Kampung Duku biasanya isi rumah terdiri dari satu keluarga. Tetapi terdapat juga beberapa isi rumah yang terdiri dari 2 keluarga, kerana setelah anak-anak isi rumah tersebut berkahwin, mereka baik dari pihak lelaki ataupun perempuan akan menetap di rumah ibu bapa mereka di Kampung Duku. Selepas itu jika mereka mempunyai kemampuan untuk membina rumah baru, mereka akan berpindah ke rumah baru itu. Sebaliknya jika masih belum mampu mereka akan

menetap bersama ibu bapa mereka. Mereka akan mewarisi rumah tersebut dari ibu bapa mereka.

Mengikut bancian penduduk bagi Daerah Bachok sebanyak 95 % adalah penduduk Melayu dan bakinya adalah penduduk keturunan Thai dan Cina. Penduduk tersebut dibahagikan mengikut jantina seperti berikut penduduk lelaki sebanyak 22,815 orang dan penduduk perempuan sebanyak 23,321 orang. Jumlah penduduk semua ialah 46,136 orang. Jumlah rumah semua sebanyak 7,877 buah. Di peringkat mukim iaitu Mukim Bachok penduduk lelaki sebanyak 6,272 orang dan penduduk perempuan sebanyak 6,129 orang. Jumlah semua sebanyak 12,401 orang. Jumlah rumah dalam Mukim semua adalah sebanyak 2,139 buah<sup>101</sup>

Kampung Duku merangkumi 4 buah Kampung @ Mu Ban iaitu Kampung @ Mu 2, Kampung @ Mu 3, Kampung @ Mu 5 dan Kampung @ Mu 7. Kampung @ Mu yang mempunyai kawasan seluruhnya Kampung Duku ialah Kampung @ Mu 7. Sebahagian kecil dari Kampung Duku termasuk dalam pentadbiran Kampung @ Mu 2 dan Kampung @ Mu 5. Bagi Kampung @ Mu 3 adalah dikira sebagai pusat pentadbiran mukim dan pusat pentadbiran agama. Walaupun sebahagian besar kawasan Kampung Duku berada di bawah pentadbiran Ketua Kampung @ Mu 3 tetapi sebahagian dari Kampung @ Mu 3 adalah sebahagian Kampung lain yang bernama Kampung Sopo dan kampung Pohon Berangan. Dengan yang demikian jumlah penduduk Kampung Duku yang tepat tidak dapat dikira. Cuma setakat jangkaan dari pihak Ketua-Ketua Kampung @ Mu masing-masing.

<sup>101</sup> Sumber : <http://WWW.DOLA.CO.TH> □ [WWW.DOLA.CO.TH](http://WWW.DOLA.CO.TH) □ iaitu Website Kementerian dalam negeri Thailand

Penduduk Kampung Duku yang berada dalam pentadbiran Ketua Kampung @ Mu 7 mempunyai penduduk lelaki sebanyak 312 orang dan penduduk perempuan sebanyak 339 orang. Jumlah semua ialah 651 orang. Jumlah rumah semua sebanyak 119 buah. Penduduk Kampung @ Mu 7 adalah penduduk yang boleh dikatakan kesemuanya adalah penduduk Kampung Duku. Penduduk Kampung @ Mu 2 yang sebahagian besar adalah penduduk pekan Bachok. Sebahagian kecil adalah penduduk Kampung Duku. Mengikut Sdr. Abdul Latif Bin Mohd. Din @ Bukit Jait<sup>102</sup> mengatakan jumlah penduduk Kampung Duku yang termasuk dalam pentadbirannya adalah lebih kurang 200 orang.

Penduduk Kampung @ Mu 3 mengikut bancian pihak kerajaan adalah penduduk lelaki sebanyak 1,424 orang dan penduduk perempuan sebanyak 1,427 orang. Jumlah penduduk semua ialah 2,851 orang dan jumlah rumah sebanyak 423 buah. Jumlah penduduk Kampung @ Mu 3 tersebut adalah termasuk penduduk Kampung So-po dan Kampung Pohon Berangan. Mengikut Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad @ Lamatha<sup>103</sup> selaku Ketua Kampung @ Mu 3 dan Ketua Mukim Bachok, penduduk Kampung Duku yang berada dalam pentadbirannya adalah lebih kurang 2,000 orang.

Bagi penduduk Kampung @ Mu 5 mengikut bancian pihak kerajaan adalah penduduk lelaki sebanyak 751 orang dan penduduk perempuan sebanyak 789

---

<sup>102</sup> Telah temebual dengan Sdr. Abdul Latif Mohd. Din umur 60 tahun pada 12 November 2000 di rumahnya di pekan Bachok

<sup>103</sup> Telah temubual dengan Sdr. Mohd. Daud Bin Haji Ahmad umur 60 tahun pada 11 November 2000 di Pejabat Ketua Mukim iaitu Rumah kediamannya di Kampung Duku di kawasan Duku Masjid

orang. Jumlah penduduk semua ialah 1,540 orang. Sebahagian dari penduduk Kampung Duku termasuk dalam pentadbiran Kampung @ Mu 5. Mengikut Sdr. Awang Bin Ismail @ Sachik<sup>104</sup> selaku Ketua Kampung @ Mu 5, penduduk Kampung Duku yang termasuk dalam pentadbirannya adalah lebih kurang 400 orang .

Disini bolehlah dibuat perkiraan secara kasar bahawa semua penduduk Kampung Duku yang telah dipecahkan kepada 4 Kampung @ Mu atau 4 Pentadbiran Kampung yang berasingan iaitu berjumlah lebih kurang 4,251 orang.

#### **Pendidikan Penduduk Kampung Duku**

Di kawasan Kampung Duku terdapat sebuah sekolah rendah kerajaan yang terletak di kawasan Duku Dusun. Sekolah tersebut dinamakan "*Rongrian Ban Duku*" atau "*Sekolah Rendah Kampung Duku*". Di kalangan penduduk Kampung Duku anak - anak mereka dihantar ke sekolah rendah kerajaan tersebut. Tetapi terdapat penduduk Kampung Duku yang tempat kediamannya mempunyai jarak lebih dekat dengan pekan Bachok menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah kerajaan dalam pekan tersebut . Sekolah dalam pekan itu bernama "*Rongrian Ban Pek Boon*" atau "*Sekolah Rendah Kampong Pek Boon*". Terdapat penduduk yang berkemampuan, lebih cenderung menghantar anak -anak mereka ke sekolah-sekolah di luar Daerah Bachok baik di peringkat sekolah rendah ataupun sekolah menengah, kerana mereka menganggap sekolah-sekolah di luar daerah itu lebih bermutu dari sekolah-sekolah dalam kampung dan dalam daerah tersebut.

<sup>104</sup> Telah temubual dengan Sdr. Awang Bin Ismail @ Sachik umur 50 tahun pada 12 November 2000 di Pekan Bachok

Terdapat sebuah sekolah agama dalam Kampung Duku. Sekolah tersebut dinamakan "*Maahad Islahuddini*". Tetapi di kalangan penduduk Kampung Duku khususnya dan Daerah Bachok umumnya sekolah tersebut lebih dikenali dengan nama dalam bahasa Thai iaitu "*Rongrian Siritham Wittaya*". Pelajar-pelajar di sekolah agama tersebut 80 % darinya terdiri dari anak-anak penduduk Kampung Duku.<sup>105</sup> Di kalangan mereka yang ingin anak-anak mereka lebih kepada berpendidikan kurikulum kerajaan, mereka akan menghantar anak-anak ke sekolah menengah kerajaan yang terletak dalam pekan Bachok. Sekolah tersebut bernama "*Rongrian Bachok*" atau "*Sekolah Menengah Bachok*". Bagi mereka yang berkemampuan menghantar anak-anak mereka belajar di luar Daerah Bachok baik di sekolah menengah kerajaan seperti "*Rongrian Narathiwat*" dan "*Rongrian Narasikhalai*" di Bandar Narathiwat ataupun sekolah agama seperti "*Sekolah At-Tarkiah Islamiah*" di Bandar Narathiwat, "*Sekolah Al-Islamiyah Saiburi*" dan "*Sekolah Darun Annashi'in*" di pekan Teluban, Daerah Saiburi Wilayah Pattani.

Di peringkat pengajian tinggi, anak-anak penduduk Kampung Duku beberapa orang telah berjaya memasuki institusi pengajian tinggi kerajaan. Setakat ini 10 orang telah berjaya mengikuti pelajaran di Prince of Songkhla University, Kampus Pattani<sup>106</sup> dan beberapa orang lagi sedang mengikuti pelajaran di institut

<sup>105</sup> Telah temubual dengan Sdr. Abdullah Bin Mohd. Sallehuddin umur 45 tahun pada 15 November di sekolah agama tersebut. Beliau adalah Ustaz yang bertanggungjawab hal ehwal pelajar sekolah tersebut.

<sup>106</sup> Telah temubual dengan Sdr. Mohd. Sulhan Bin Haji Mokhtar @ Lamatha umur 22 tahun, Sdr. Ilias Said umur 22 tahun dan Sdri. Nureeda Haji Abdul Kadir umur 24 tahun pada 15 November 2000. Ketiga-tiga adalah bekas pelajar tahun akhir di Prince of Songkhla University, Pattani, sekarang Sdr. Mohd. Sulhan sedang belajar di peringkat Sarjana di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Dan Sdri. Nureeda Haji Abdul Kadir belajar di peringkat Sarjana Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.

perguruan atau Rajabhat Institute di Wilayah Yala. Terdapat beberapa orang sedang mengikuti pelajaran di Kolej-Kolej Vokasional di wilayah-wilayah di sekitar Selatan Thailand. Dan beberapa orang sedang mengikuti pelajaran di Universiti Ramkhamhaeng dan Universiti Kasembandhit, kedua-duanya terletak di Bangkok serta beberapa orang juga sedang mengikuti pelajaran di Sukhothai Thammathirat Open University dengan cara menetap di Kampung Duku.<sup>107</sup>

<sup>107</sup> Telah temubual dengan Sdr. Zamberi Bin Idris umur 26 tahun pada 15 November 2000. Beliau adalah seorang Pelajar tahun akhir dalam bidang Sebaran Am di Sukhothai Thammathirat Open University.